

KETIGA, PENGGAL KETIGA
..:men keduabelas
OAH A

Lisan Hartan Yang Tidak Dap:
Dalam Dewan Rakyat Da[iTQIMI®]
Kementerian

HARI RABU: 3 NOVEMBER 2010

SCAN® UN GAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PEETANYAAN JAWAB
LIS AN YANG TIDAK BAP AT W JAWAB DEDAL AM DEW AN
(SOALAN NO. 8 HINGGA 45)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7 [RUJUK

PENYATA RASMI HAM AN (HANSARD)]

**SIDEK
CAW. PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

M!0. SOALAW: 8

IPEliiBERGTAnIU PERIAMYAAiM DE **WAM RMVfAT**

PEMJMNAAm : LGSM3

DARI PAD A : YB PUAM SITS ZABLARli BM

MOMD, YUSOFFP

TAIR0&CH1 : 3 MOVEfiiBER 2@1 @ fRABU)

SOALAM :

Pugin Siti Zmlmh bimti M@b± Yusoffff | Raoftay Pamjang | minta PERDAMA 61EWTER1 menyatakan sejak merdeka sehingga sekarang berapa kali Perlembagaan negara sudah dipinda di Pariimen dan berapa kali pindaan yang telah dibuat berdasarkan syariat supaya selaras hukum Islam yang menjadi agama rasmi negara.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini Perlembagaan Persekutuan telah dipinda sebanyak 57 kali. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 40 pindaan dibuat melalui proses pembentangan di Parlimen. Terdapat 4 pindaan yang dibuat oleh Yang Di-Pertuan Agong melalui Ordinan Darurat, 11 pindaan yang dibuat oleh Yang Pertuan Agong melalui Perintah, 1 melalui resolusi dan 1 pindaan bersifat sementara.

Sejak tahun 1963, sebanyak lapan (8) pindaan telah dibuat bertujuan

NO. SOALAN: 8

untuk menyelaraskan peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan dengan hukum Islam. Pindaan-pindaan itu adalah seperti yang berikut:

Perkara	Kuasa Meminda dan Tarikh Kuat Kuasa	Peruntukan
Perkara 3(5)	Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973 [Akta A206] -1 Februari 1974	<p>Fasal (5) Perkara 3:</p> <p>Dimasukkan melalui Akta A206, Jadual, berkuat kuasa dari 01-02-1974.</p> <p><i>“(5) Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam di Wilayah Persekutuan; dan bagi maksud ini Parlimen boleh melalui undang-undang</i></p>

	Kuasa Meminda daci TaoikEn KojM	<i>PmmilMkmm</i>
		<p><i>membuat p&runtukan-peruntuki bagi mengawal selia has ehwal agama Islam dan bagi m&nubuhk&n suatu Majlis untuk m&nasihatkan Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara- perkara yang berhubu. _ ■ dengari agama Islam.</i></p> <p>Menerusi Fasal (5) Perkara 3 tersebut, Yang di-Pertuan Agot telah dilantik sebagai Ketu i Agama Islam bagi WII. Persekutuan Kuala Lumpur (yang kemudiannya turut diperlu; - kepada Wilayah-Wil Persekutuan Labuan Putrajaya) dan boleh menerusi undang-undang menubu!.' . sebuah Majlis untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.</p> <p>Pelantikan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur itu adalah selaras dengan konsep <i>ulil-amri</i> atau pemerintahan menurut syariat Islam.</p>
Perkara 5(4)	! Perlembagaan (Pindaan) 1988 [Ak	Fai _ _ : Proviso selanjutnya dimaaukkam melalui seksyen 2 Akta A704,

Perkara	Kuasa Meminda dan Tarikh Kuat Kuasa	Peruntukan
	10 Jun 1988	<p>berkuat kuasa dari 10-06-1988.</p> <p><i>“...Dan dengan syarat selanjutnya bahawa dalam hal penangkapan bagi sesuatu kesalahan yang boleh dibicarakan oleh mahkamah Syariah, sebutan dalam Fasal ini mengenai majistret hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan mengenai hakim mahkamah Syariah.</i></p> <p>Menerusi pindaan kepada Fasal (4) Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan, hakim mahkamah Syariah turut diberikan kuasa yang sama dengan majistret mengenai perkara yang menyentuh kebebasan diri seseorang individu. Dalam hal ini, seseorang yang ditangkap bagi suatu kesalahan jenayah Syariah tidak boleh ditahan lebih daripada dua puluh empat jam tanpa kebenaran hakim mahkamah Syariah.</p> <p>Pindaan ini adalah selaras dengan syariat Islam dan prinsip keadilan dalam Islam. Menurut hukum Syarak, hakim adalah pihak yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk memelihara dan melindungi hak seseorang individu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah</p>

MO. 80ALAM: 8

	Kuasa Meminda cOaoi Tariiklto Kyat	
		sesuatu undang-unc' termasukfah yang berhubu dengan hak kebebasan diri seseorang individu.
Perkara 8(2)	Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2001 [Akta A1130]- 28 September 2001	PasaS (2) Perkara S: Pindaan dibuat melalui seksyen 3 Akta All 30 dengan menggantikan perkataan "keturunan atau tempat lahir" dengan perkataan "keturunan, tempat lahir atau jantina". Pindaan ini berkuat kuasa dari 28-09-2001. Pindaan ini yang memasukkan perkara mengenai "jantina" adalaSi selaras dengan syariat Islam yang mementingkan kebajikan dan hak sama rata dalam perkara-perkara tertentu antara lelaki dan wanita. Dalam hal ini, Islam tidak pernah mendiskriminasi hak wanita sebaliknya memberi pengiktirafan yang sama rata dengan kaum lelaki.
1	Perlembagaan (Pindaan) 1976 [AktaA354}~ 27 Ogos 1976	PasaD (2) Perttara 12: Pindaan dibuat melalui seksyen 6 Akta A354 bertujuan untuk menggantikan Fasal (2) Perkara 12 dengan Fasal yang bam seperti berikut:

Perkara	Kuasa Meminda dan Tarikh Kuat Kuasa	Peruntukan
		<p>"(2) Tiap-tiap kumpulan agama berhak menubuhkan dan menyelenggarakan institusi-institusi bagi pendidikan kanak-kanak dalam agama kumpulan itu sendiri, dan tidak boleh ada diskriminasi semata-mata atas alasan agama dalam mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan institusi-institusi itu atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang itu; tetapi adalah sah bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri menubuhkan atau</p> <p>menyelenggarakan atau membantu dalam menubuhkan atau</p> <p>menyelenggarakan institusi-institusi Islam atau mengadakan atau</p> <p>membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan</p> <p>melakukan apa-apa perbelanjaan sebaoimana yang perlu bagi maksud itu."</p> <p>Di bawah pindaan yang baru, Persekutuan atau sesuatu Negeri boleh menubuhkan atau menyelenggarakan institusi-institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang perlu bagi maksud itu tanpa memerlukan pengubalan sesuatu undang-undang Persekutuan atau</p>

	Kuasa Meminda dsiGi TtioikCi KtuM IKuasa	!
		undang-undang Negeri. Dalam hal ini, Persekutuan stau Negeri boleh melaksssnakan perkara- perkara tersebut secara pentadbiran.
I	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988 [Akta A 704]- 10 Jun 1988	Fasa! (1A) dimasukkan melalui Seksyen 8 Akta A704 yang telah berkuatkuasa 10-06-1988. Fasal tersebut adaiah seperti yang berikut: "Mahkamah yang disebut dalam Fasal (1) tidaklah mempunyai bidang kuasa berkemaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa mahkamah Syariah." Pindaan yang dibuat terhadap Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan itu adaiah bertujuan untuk memeliSiara kewibawaan mahkamah Syariah serta pelaksanaan dan pentadbiran hukum Syarak di kalangan umat Islam di negara ini. Dalam hal ini, diperhatikan bahawa pindaan yang dibuat itu adaiah selaras dengan syariat Islam yang mewajibkan pemerintah untuk memelihara agama Islam termasuklah dalam perkara- perkara yang berhubungan dengan pelaksanaan undang-undang Syariah dan hukum

Perkara	Kuasa Meminda dan Tarikh Kuat Kuasa	Peruntukan
		<p>arak.</p> <p>Kesan daripada pindaan itu ialah mahkamah sivil tidak boleh lagi mencampuri dan memutuskan sesuatu perkara yang terletak di bawah bidang kuasa mahkamah Syariah.</p>
<p>Butiran 6(e), Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan</p>	<p>Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973 [Akta A206]- 1 Februari 1974</p> <p>(ii) Akta Perlembagaan</p>	<p>iran 6(e):</p> <p>Perenggan yang asal berbunyi seperti yang berikut:</p> <p>Kerajaan Tempatan dan perancangan bandar di dalam, dan bekalan air kepada, ibu kota persekutuan;”.</p> <p>Seksyen 11 Akta A206 telah menggantikan perenggan yang asal dengan perenggan yang berikut:</p> <p>Pemerintahan dan pentadbiran Wilayah Persekutuan termasuk hukum Svarak di dalamnya setakat yang sama seperti yang diperuntukkan dalam butiran 1 Senarai Negeri”.</p> <p>Kemudian, perenggan ini telah dipinda melalui Akta 585</p>

	<p>Kuasa Meminda ©jfiili latikll'i Kumi is a</p>	<p><i>Pmmniukmm.</i></p>
	<p>(Pir fWo.2) '1984 /Afcto/ A5&5l- iG April 1984</p>	<p>dalam Jadual menggantikan butiran 6(e) dengan perencsgan yang berikut:</p> <p>(e) Kerajaan pentadbiran Wilayah- Wilayah Perseki Kuala Lumpur Labuan termasuk hukum Svarak di dalamnya setakat yang san i seperti diperuntukkan dalam butiran 1 dalam Senarai Negeri dan berkenaan dengan Wilayah Persekutuan Labuan, undang-undang dan adat anak watan sefakaf yang sama seperti diperuntukkan dala i butiran 13 bagi Tambahan kepada Senarai Negeri bagi Negeri-Negeri Sab* dan Sarawak.”.</p> <p>Menerusi pindaan kepada bi 6(e) Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan, Perlemba<_ Persekutuan, Parlim* mempunyai kuasa i. menggubal undang-undang yang berkaitan dengan pentadbiran agama Islam dan hukum Syarak bagi Wilayah Persekut</p>

Perkara	Kuasa Meminda dan Tarikh Kuat Kuasa	Peruntukan
		<p>Lumpur (yang kemudiannya turut diperluas kepada Wilayah- Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya), iaitu sama seperti kuasa perundangan yang diperuntukkan kepada Badan Perundangan sesuatu Negeri yang lain di bawah butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.</p> <p>Sehubungan dengan itu, Parlimen mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang bagi Wilayah- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, antara lain, yang berhubungan dengan hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, nafkah, Wakaf, amanah, khairat, adat Melayu, Zakat, Fitrah dan Baitulmal, hasil agama Islam, masjid, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai</p>

	Kuasa Meminda datra Tafrolcli "Cyat isa	
		<p>kut</p> <p>susunan dan tataoara mahkamah Syariah, peneitun perkara mengeriai hufcunri cSasi dokti Syarak dan aciat Melayu.</p> <p>Dalam ha! ini, cliperha bahawa pindaan tersebut adalah memenuhi syariat Islam yang memberi kuasa kepada pemerinfah untuk menggubal undang-undang yang selaras dengan prinsip dan hukum Syarak.</p>
Butiran Senarai Persekuiuan, Jadual Kesembilan	Perlembagaan (Pindaan) 1976 [Akta A354]- 27 Ogos 1976	<p>Pindaan ini dibuat melalui seksyen 45 Akta A354 dengan menggantikan perkataan "Wakaf Islam" dengan perkataan "Wakaf. Pindaan ini mula berkuatkuasa dari 27-08-1976. Seksyen 45 adalah seperti yang berikut:</p> <p>4So Perlembagaan adalah dengan ini dipinda dengan menggantikan perkataan "Wakaf Islam" di mana- mana jua ianya terdapat dalam Perlembagaan dengan perkataan "Wakaf. (Pindaan bagi perkataan "Muslim religion", "Muslim law", "Muslim court" dan "Muslim revenue" tidak berkenaan bagi teks terjemahan Perlembagaan dalam bahasa kebangsaan).</p>

Perkara	Kuasa Meminda dan Tarikh Kuat Kuasa	Peruntukan
		<p>Pindaan tersebut dibuat bagi menyesuaikan maksud dan penggunaan yang tepat mengenai perkataan atau terma tersebut menurut undang-undang hukum Syarak.</p> <p>Pindaan perkataan atau terma "Muslim religion", "Muslim law", "Muslim court" dan "Muslim revenue" masing-masing kepada "religion of Islam", "Islamic law", "Syariah court" dan "Islamic religious revenue" juga bertujuan untuk menyelaraskannya dengan terma yang lebih tepat dan sesuai menurut undang-undang Islam dan hukum Syarak. Menurut hukum Syarak, perkataan 'Muslim' adalah merujuk kepada orang atau 'person' manakala perkataan "Islam" pula secara khususnya adalah merujuk kepada "agama Islam" itu sendiri sebagaimana yang disebut dan diguna pakai di dalam al-Quran dan as-Sunnah.</p> <p>Oleh itu, bagi maksud agama Islam dan undang-undang Islam misalnya, penggunaan terma "Islamic religion" dan "Islamic law" adalah lebih tepat dan sesuai menurut hukum Syarak berbanding dengan terma "Muslim religion" dan "Muslim law".</p>

	Kuasa Meminda dalam TsifilMu Kyat Ksioasa	
		Pendekatan yang sama juga adalah terpakai keparja tennis "Muslim court" dan "Muslim revenue".
Periembags Persekutuan (Umum)	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1976 [Akta A354]- 27 Ogos 1976	<i>Amendment of Ufa® wmd "Muslim"*</i> <i>appearing m ilh©</i> <i>ComisitiLBitSosTia</i> <i>44, The Constitution is hereby amended by substituting for the word "Muslim" wherever it appears in the Constitution (otherwise than in the expressions mentioned in the following section), (he word "Islamic".</i> Pindaan tersebut dibuat bagi menyesuaikan maksud dan penggunaan yang tepat mengenai perkataan atau terma tersebut menurut undang-undang hukum Syarak. Menurut hukum Syarak, perkataan 'Muslim' adalah merujuk kepada orang atau 'person' manakala perkataan "Islam" pula secara khususnya adalah merujuk kepada "agama Islam" itu sendiri sebagaimana yang disebut dan diguna pakai di dalam Al-Quran dan as-Sunnah.

Soalan No : 9

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI
(SABAK BERNAM)

TARIKH : 03.11.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI [SABAK BERNAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang melonggarkan syarat kemasukan guru lelaki untuk mengimbangkan pengambilan antara guru lelaki dan wanita kepada 50-50.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berusaha menambah pengambilan calon guru lelaki kepada 50% lelaki dan 50% perempuan. Dalam usaha menyeimbangkan jurang bilangan guru lelaki dan guru wanita di sekolah, langkah-langkah berikut telah diambil:

- i. Menambahkan kuota pengambilan guru lelaki khususnya bagi mata pelajaran tertentu dan bagi keperluan luar bandar dan pedalaman;
- ii. Meningkatkan pengambilan guru pelatih lelaki dalam bidang- bidang yang menarik dan tahan lasak;

Calon lelaki yang memenuhi syarat asas (syarat Perkhidmatan dan syarat skim) yang mempunyai kredit minima dalam bidang akademik ditawarkan mengikuti kursus perguruan:

Meningkatkan promosi kursus perguruan di media massa, laman web dan memberikan informasi dengan mengadakan Hari Bertemu Pelanggan di pusat membeli belah seluruh Malaysia;

Calon yang aktif di bidang sukan dan kokurikulum yang mempunyai kelayakan akademik kredit minima ditawarkan mengikuti kursus perguruan sekiranya memenuhi syarat asas permohonan; dan

Calon lepasan SPM yang tidak memenuhi syarat kursus ditawarkan mengikuti kursus perguruan sekiranya mendapat kelulusan khas pengurusan KPM.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA,
PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS
(2010) _____**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2010 [RABU]

SOALAN :

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasionalnya Kerajaan mengharuskan orang bukan Islam memasuki Dewan Solat Masjid atau Surau sebagaimana dijelaskan dalam Majlis Fatwa Kebangsaan

SOALAN NO: IP
AWARARi : fAB,, 8EMAIOR MEJAR JEMERAI OATO SERIT JAIIL
khir BM haji mmMrnm p), eiemteri ds jabatan
PERDAMA 1M1EMTERI)

Tuan Yang cfi-Pertua,

Until k 'nakiuman *AMI fatlg* frerhormat, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Eliwai Ugania Islam kail ke 90 yang teiah bersidang pada 1 Mac 2010 telah membincangkan hukum pelancong bukan Islam memasuki masjid dan ruang solat utama masjid. Muzakarah telah memutuskan bahawa pelancong bukan Islam diharuskan memasuki masjid dan ruang solat dengan syarat mendapat keizinan daripada pihak pengurusan masjid serta tingkah laku dan perlakuan mereka tidak mencemarkan kesucian masjid di samping sentiasa terkawal dan beradab. Waiaubagaimanapun perbuatan berdoa atau bertafakur oleh pelancong bukan Islam mengikut cara agama mereka dalam keadaan yang boleh menimbulkan fitnah adaiah dilarang.

Pihak Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM telah mewujudkan satu Garis Panduan Pelancongan Masjid untuk dijadikan panduan dan rujukan kepada semua pihak yang teriibat dan akan diedarkan pada awal tahun 2011. Antara isi kandungan garis panduan tersebut adaiah , kawasan lawatan yang boleh dimasuki oleh pelancong bukan Islam termasuk ruang solat utama dengan syarat mendapat keizinan pihak Pengurusan Masjid selagi perlakuan serta tingkah laku mereka tidak mencemarkan kesucian masjid dan sentiasa terkawal dan beradab. Pelancong masjid juga dilarang untuk melakukan sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan akan menyinggung

perasaan umat Islam tentang kepercayaan dan amalan mereka seperti berdoa atau bertafakur ketika di dalam masjid.

Keputusan muzakarah ini dibuat selepas melihat dan menganalisa dalil - dalil syarak serta pandangan ulama' yang mengharuskan orang bukan Islam memasuki masjid dengan syarat - syarat yang telah ditetapkan. Pada masa kini, masjid bukan sahaja menjadi tempat ibadah bagi umat Islam bahkan ia juga telah menjadi suatu tempat tarikan yang menggalakkan bagi para pelancong yang datang dari kalangan orang bukan Islam. Di samping ia menjadi salah satu tempat tumpuan pelancong, masjid secara tidak langsung boleh menjadi medium yang jelas dalam menampilkan keindahan dan ketinggian syiar Islam kepada para pelawat dan orang bukan Islam.

Sekian, terima kasih.

PEMBERIAHUAM PERTAMYAAR DEWAW RAKYAI

PERTAMYAAM : JAWAB LJ8AM

DAR8PADA : DATO⁵ SHAIiSUL AMUAR BIPJ RA8RAH

[LEMGGOMGj

TARIKH : 03 MOYEMBER 2010 fRABU)

SOALAM:

SOALAM t^CA 'H

Minia S1EMTER! PEWERAWGAM_s KOSViiUMfGCASI DAM KEBUDAYAAW menyatakan usaha-usaha Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) menyekat penyalahgunaan internet di kalangan rakyat.

Benarkah SKMM gagai melaksanakan ianggungjawabnya dan adakah undang-undang yang ada sekarang berkesan bagi membendung masalah penyalahgunaan internet dan apakah Kementerian bercadang membuat pindaan agar sesuai dengan perkembangan masa kini.

JAWAPAM:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa berusaha menyekat penyalahgunaan internet di kalangan rakyat. Sepanjang tahun ini sebanyak 380 laman web iucah telah disekat. Dibawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM'98) mereka yang menyalahgunakan internet untuk menyebarkan kandungan

SOALAN NO: 4

lucah, palsu dan jelek boleh didenda sehingga RM50.000 dan dipenjarakan tidak melebihi satu (1) tahun.

Berdasarkan peruntukan undang-undang tersebut, sejumlah 11 kes telah dihadapkan ke Mahkamah. Daripada keseluruhan kes tersebut, 3 kes telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah yang melibatkan jumlah denda berjumlah RM 40,000.00. Manakala selebihnya masih dalam perbicaraan.

Adalah tidak benar SKMM gagal melaksanakan tanggungjawab bagi mengawal penyalahgunaan internet di Malaysia. Bagi mengukuhkan peranan SKMM dalam usaha untuk meningkatkan keberkesanan dalam menangani masalah ini, Bahagian Penguatkuasaan telah ditubuhkan dan akan diperkukuh dengan Unit Forensik Komputer. Walau bagaimanapun, pendakwaan adalah bidang kuasa Jabatan Peguam Negara.

Selain daripada itu, Kementerian juga sedang meneliti peruntukan-peruntukan AKM '98 bagi mengukuhkan tindakan yang boleh diambil terhadap pesalah siber. Dalam hubungan ini, kesalahan yang dilakukan melalui internet juga boleh diambil tindakan di bawah Akta Hasutan 1948 dan Kanun Kesiksaan di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.

PAJEU MEM MALAYSIA
PEI I ERITAHU PERTAM Y AAN DEWAM RAfCYAT

PERTA fCfAAM

LISAN

DARI PAD A I

TRAM ER TERR RWA [BARRP1 3 WOYESIBER 2010 (RABU)

ARIKH

SOALAM

Minta MENTERI PERTAM iAR DAM 1WDUSTR1 ASAS TAMI menyatakan hasil perbincangan antara tiga pihak, iaitu Kementerian, Kerajaan Negeri Johor dan Melaka mengenai usul mengkhaskan lokasi penangkapan ikan di antara kawasan perairan Pulau Besar hingga Semerah untuk nelayan pesisir pantai lesen Kelas A tempatan sahaja demi menyelesaikan masalah pencerobohan pukat tunda.

©S@Si Y.B. Merited PerSaoian dan Industrs Asas Tani,

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Tiada perbincangan antara tiga pihak iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Negeri Melaka bagi mengkhaskan lokasi penangkapan ikan di antara kawasan perairan Pulau Besar hingga Semerah untuk nelayan pesisir pantai lesen Kelas A. Kawasan Perairan Pulau Besar hingga Semerah sememangnya telah berada di kawasan zon A iaitu di bawah 5 batu nautika yang telah di khususkan pengoperasian kepada nelayan tradisi. Sebarang pencerobohan oleh vesel zon B, C, C2 di kawasan zon A merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985.

SJ.B/(46)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH
[JASIN]**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.11.2010

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Bank Negara Malaysia (BNM) bercadang menetapkan sasaran tertentu bagi memastikan nilai ringgit terus kukuh berbanding USD dan apakah mekanisme digunakan oleh BNM berkaitan pendekatan mata wang asing lain yang diperdagangkan berbanding Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak mempunyai sasaran tertentu untuk menetapkan kadar tukaran ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) mahupun mata wang lain. Dalam rejim pertukaran asing semasa iaitu rejim apungan terurus, nilai ringgit tidak lagi diurus secara khusus berbanding dengan sesuatu mata wang tertentu. Sebaliknya, nilai ringgit diurus berbanding dengan sekumpulan mata wang rakan perdagangan Malaysia yang utama.

2. Rejim apurtgan ternrus ini memastikan nilai ringgit kekal stabil berbanding niata wang yang penting kepada ekonomi negara dalam tempoh jangks panjang, Dalam tempoh jangka pendek, fokus dasar pertukaran ini adalah untuk memastikan pasaran periukaran asing yang teraiur agar tiada gangguan yang ketara kepada perniagaan dan aktiviti ekonomi secara keseluriHiannya. Manakais, bagi tempoh jangka sederhana ke jangka panjang, tumpuan dasar ini adalah untuk memastikan ntlai ringgit tidak tersasar dengan ketara dan berterusan berbanding asas-asas makro ekonomi negara. Objektif utama bagi dasar ini adalah untuk memastikan kadar pertukaran yang sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang mapan serta kadar inflasi yang rendah dan stabil.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Perlu diambil perhatian bahawa nilai ringgit ditentukan oleh kuasa pasaran, iaitu permintaan dan penawaran untuk ringgit di pasaran tukaran asing. Oleh itu, bergantung pada keadaan, ringgit boleh menannbah nilai atau menyusut nilai mengikut keadaan pasaran. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan nilai ringgit adalah eksport dan aliran masuk pelaburan langsung asing.

4. Setakat ini, pengukuhan nilai ringgit adalah selari dengan mata wang di rantau ini. Ia mencerminkan sentimen yang positif terhadap ekonomi rantau ini serta perkembangan domestik yang memberangsangkan, terutamanya peningkatan asas-asas ekonomi Malaysia. Pada tempoh akhir 2009 sehingga 20 Oktober 2010, ringgit telah meningkat nilai sebanyak 14.3% berbanding euro, 11.9% berbanding paun sterling, 9.6% berbanding dolar AS. Ringgit juga telah meningkat nilai antara 0.6% dan 6.8% berbanding mata wang serantau. Pada tempoh tersebut juga, ringgit telah menyusut nilai

sebanyak 3.5% berbanding yen dan 1.5% berbanding baht Thailand.

5. Kerajaan akan terus memastikan pergerakan nilai ringgit berubah secara teratur dan konsisten dengan asas ekonomi Malaysia pada jangka sederhana.

PmMBEMfMiUm PERTAM3YAAM oE¥wAM R/%iKYAT

PEMfMWAm : JAWAB *U&m*

DARPADA : IDR SHil MARSAlH1 EliMTfi MAHMUD

[KQTA RAJA]

TARitH ; 3 *mmmBm*, 2 *@m crabu*)

S©ALAS^

Dr. Sii *Mmfmh* binti Elfehmun pCoGa Raja] minta iiEMTERfl FEMERA^©A^s ECOMUWS&CASI DAM KEBODAYAAM menyatakan sama ada tindakan undang-undang dapat diambil ke atas penyebaran gambar-gambar/ filem lucah melalui telefon bimbit.

JAWAPAW:

Tuan Yang di-Pertua,

Gejala penyebaran bahan-bahan lucah melalui telefon selular pada masa kini merupakan satu trend yang amat membimbangkan terutama dengan perkembangan pesat dalam teknologs media baru.

Penyebaran sebarang bentuk kandungan yang menyalahi undang-undang termasuklah bahan lucah melalui perkhidmatan aplikasi adalah

8(0ALAiM iMO: 14

satu kesalahan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi & Multimedia
(AKM) 1998 (AKM 1998).

SOALAN NO: 14

Sekiranya disabitkan kesalahan, seseorang boleh didenda tidak melebihi RM50.000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan hendaklah juga boleh didenda selanjutnya satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan.

8JcB/(4S)

PEiBERGTAHUAM PERTAMYAAM *mWMi* RAKYAI, MALAYSIA

: DATUK RAME BM U^©GS
Imami

PEmTAMYAAE^ : U8AW

TARIM : 03AY2010

Datyk RaiDim© feici Uciggi | Tsnom] mints 11EMTEIRI KEWAMC1AM menyatakan setakat ini berapakah jjumlahii subsidi yang telah dibelanjakan dalam RMK-9 dan a pa kali pula perancangan Kerajaan dalam pemberian subsidi bagi RMK-10 untuk semua sektor.

JAWAPAM:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebahagian besar daripada subsidi, insentif dan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan adalah dibiayai di bawah Perbelanjaan Mengums dan bukan di bawah

Perbelanjaan Pembangunan RMK-9. Jumlah perbelanjaan sebenar untuk subsidi, insentif dan bantuan bagi tahun 2006 hingga 2009 adalah sebanyak RM72.214 bilion manakala peruntukan yang disediakan bagi tahun 2010 adalah seperti berikut:

Tahun	Perbelanjaan	Peruntukan
2006	RM10.112 bilion	
2007	RM10.481 bilion	
2008	RM33.276 bilion	
2009	RM20.345 bilion	
2010 (setakat Oktober)		RM24.933 bilion

Dengan mengambil kira jumlah peruntukan yang disediakan dalam tahun 2010, perbelanjaan subsidi, insentif dan bantuan Kerajaan dalam tempoh lima tahun iaitu mulai 2006 hingga 2010 dianggarkan berjumlah RM99.147 bilion. Bagi tahun 2011, anggaran peruntukan yang disediakan bagi tujuan ini adalah berjumlah RM23.704 bilion.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah memulakan inisiatif untuk menilai dan memperbaiki keberkesanan pemberian subsidi, insentif dan bantuan Kerajaan. Langkah ini bertujuan memastikan pemberian tersebut menepati dan memberi manfaat kepada kumpulan sasaran yang telah ditetapkan serta memberi impak yang lebih berkesan. Program merasionalisasikan pemberian subsidi, insentif dan bantuan ini akan dilaksanakan secara berterusan. Program pertama telah pun bermula pada 16 Julai 2010 yang lalu melibatkan subsidi bahan api dan gula.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, pertimbangan terhadap pemberian subsidi, insentif dan bantuan telah mengambilkira sejauh mana ia dapat membantu mengurangkan beban dan memperbaiki hidup rakyat. Dalam hal ini, ia tidak ditetapkan berdasarkan sektor tertentu. Walau bagaimanapun, pemberian subsidi di bawah sektor sosial (seperti bantuan kebajikan dan pendidikan) dan sektor ekonomi (seperti pertanian dan pengangkutan) dijangka diteruskan berdasarkan

rnakSum balas yang diterima hasil rasionalisasi subsidi, insentif dan bantuan yang dijanjikan.

NO. SOALAN: 16

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARI PAD A : **Dr. Mujahid bin HajiYusof Rawa (Parit Buntar)**

TARIKH : **3November2010 (Rabu)**

SOALAN : Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tentang keluhan nelayan yang terpaksa membeli enjin sangkut untuk bot mereka dengan harga yang mahal, apakah usaha untuk meringankan beban mereka.

JAWAPAN **Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani**

Tuan Yang DiPertua,

Dalam usaha untuk meringankan bebanan yang dihadapi oleh nelayan tradisi yang menggunakan enjin sangkut ini, Kerajaan telah memberi bantuan seperti berikut:

- i. Menyediakan kemudahan pinjaman di bawah Skim Dana Nelayan untuk membeli enjin, pukot dan sampan. Di bawah skim ini, nelayan tradisi yang menggunakan enjin sangkut dan memenuhi syarat boleh dipertimbangkan untuk mendapat pembiayaan maksima sebanyak RM25,000.00;
- ii. Melaksanakan Skim Subsidi Petrol Nelayan khusus untuk nelayan yang menggunakan enjin sangkut. Di bawah skim ini, nelayan yang layak boleh membeli petrol bersubsidi pada harga RM1.25 seliter berbanding harga di stesen pam RM1.85 seliter;

- iii. Melaksanakan Skim Insentif Tangkapan ikan dimana setiap nelayan tradisi yang mengisytiharkan hasil tangkapan akan dibayar sebanyak RM0.10 sekilogram ikan. Bayaran maksimum insentif hasil tangkapan bagi kategori ini adalah sebanyak RM150.00 sebulan; dan
- iv. Melaksanakan Skim FJ&Mh i- >,iv. Hiclu[> Helayari m mean* pemilik dan pekerja vesel yang layak akan dibayar elaun sara hidup sebanyak RM200.00 sebulan.

Pembelian enjin sangkut boleh dibuat oleh nelayan sendiri atau secara pakej melalui Persatuan-Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) di mana PNK boleh membuat rundingan terus dengan pengedar utama enjin sangkut yang berjenama seperti Yamaha, Suzuki dan Honda di pasaran. Pakej yang dimaksudkan mungkin boleh menawarkan harga yang lebih kompetitif melalui pembelian secara berkumpulan tidak kurang dari 5 orang dan tawaran penyelenggaraan yang berkala dengan jaminan untuk tempoh masa tertentu.

Pemilihan jenama juga mempengaruhi harga yang ditawarkan untuk enjin sangkut. Sehubungan itu, perolehan enjin sangkut untuk nelayan sebaiknya dilaksanakan secara bermuafakat bagi mendapatkan harga yang berpatutan untuk enjin yang berkualiti. Selain itu, nelayan disyorkan memilih jenama yang mempunyai permintaan tinggi dan banyak di pasaran supaya alat ganti mudah diperolehi dan tempoh masa penyelenggaraan pendek.

Daripada Tarikh **INPUT PEMBERITAHU PERTANYAAN** Datuk Billy Abit
DEWAN RAKYAT
Menjawab Soalan Joo [Hulu
Pertanyaan PERTANYAAN LISAN Rajang] 3 November 2010 [Rabu]
[No. 17]

Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah isu-isu utama yang sering dibangkitkan dan dicerminkan secara negatif terutamanya oleh media barat berkenaan industri perladangan kelapa sawit dan pembalakan di Malaysia. Sejauh manakah kebenaran isu-isu ini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil Kerajaan untuk menanganinya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Isu-isu utama yang sering dibangkitkan oleh media barat dan Badan-badati Bukan Kerajaan terhadap industri sawit Malaysia tertumpu kepada dakwaan-dakwaan yang tidak berasas berhubung dengan pembukaan kawasan perladangan sawit dan kesannya terhadap alam sekitar, pengurangan habitat orang utan dan biodiversiti.

Isu-isu tersebut dibangkitkan bertujuan antara lain untuk menghalang pengeksportan minyak sawit negara dan menjaga kepentingan industri minyak sayuran mereka. Ini adalah kerana minyak sawit menyumbang kepada 33.4 peratus penggunaan minyak sayuran dan lemak dunia. Di Eropah, kempen anti minyak sawit ini dipelopori oleh pengeluar minyak sesawi (*rapeseed oil*) sementara di Amerika Syarikat pula, ia dipelopori oleh pengeluar-pengeluar minyak kacang soya.

Tanaman sawit yang sebenarnya merupakan satu tanaman yang produktif berbanding tanaman minyak sayuran yang lain. Umpamanya, produktiviti minyak sawit pada tahun 2009 adalah 3.71 tan sehektar iaitu 10 kali ganda berbanding minyak kacang soya (0.36 tan sehektar), minyak sesawi (0.79 tan sehektar), *cotton seed* (0.16 tan sehektar) dan minyak kacang tanah (0.18 tan sehektar).

Untuk makluman, pada tahun 2009, penanaman sawit meliputi kawasan seluas 4.69 juta hektar atau 14.3 peratus dari keseluruhan kawasan tanah seluas 32.86 juta hektar di Malaysia. Dalam hal ini,

tanaman sawit dibangunkan di atas tanah-tanah yang bertaraf tanah pertanian. Di samping itu, Kerajaan memastikan polisi penggunaan tanah adalah secara mampan dengan mengimbangi keperluan pembangunan dan pemuliharaan biodiversiti.

Selain itu, di *United Nations Rio Earth Summit* pada tahun 1992, Malaysia telah memberi komitmen untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus dari jumlah keseluruhan tanahnya sebagai hutan dan pembangunan kawasan tanah hanya akan dibenarkan bagi tanah yang telah dikhaskan untuk pertanian. Pada masa kini, hampir 56 peratus daripada jumlah keseluruhan tanah negara masih dikekalkan sebagai hutan.

Bagi memastikan pembangunan industri sawit tidak menjejaskan alam sekitar, langkah-langkah yang telah diambil adalah:

- i. menyediakan peruntukan sebanyak RM20 juta untuk aktiviti-aktiviti pemuliharaan di bawah *Malaysian Palm Oil Wildlife Conservation Fund*. Dana ini merupakan sumbangan Kerajaan dan sektor swasta;
- ii. menyediakan *wildlife corridor* di kawasan perladangan bagi membolehkan pergerakan haiwan liar dari satu kawasan hutan ke kawasan yang lain; dan
- iii. menggalakkan industri sawit mengekalkan ekosistem sawit secara mampan di bawah *Roundtable on Sustainable Palm Oil*. Inisiatif ini yang diterajui oleh sektor swasta melibatkan antara lain aspek-aspek pemuliharaan biodiversiti dan habitat liar.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**
DARI PADA **Y.B. PUAN FONG PO**
 KUAN (BATU GAJAH)
TARIKH **03.11.2010**

SOALAN:

Y.B. PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian menyedari pelbagai kesulitan dihadapi oleh pelajar yang menukar jurusan bagi Tingkatan 6 kerana birokrasi Jabatan Pelajaran Negeri serta mengakibatkan pelajar lewat mengikuti jurusan pilihan mereka. Apakah Tingkatan 6 akan dimansuhkan agar semua pelajar mengikuti matrikulasi.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Pertukaran jurusan tidak dapat dilakukan pada peringkat awal sesi kemasukan Tingkatan 6 Bawah kerana:

- i. Semua kelas Tingkatan 6 penuh dan tiada kekosongan tempat. Namun setelah berlaku penghijrahan murid mendaftar masuk ke Universiti, Politeknik, Kolej dan sebagainya, barulah terdapat kekosongan yang boleh diisi oleh calon yang ingin menukar jurusan;
- ii. Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) perlu mengawal pertukaran jurusan agar tidak berlaku kelas-kelas Sains yang perlu ditutup. Ia berkait rapat dengan perjawatan guru yang dibekalkan.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tiada perancangan untuk memansuhkan Tingkatan 6 kerana perjawalan guru Tingkatan 6 merupakan salah satu laluan kenaikan pangkat selaras dengan memartabatkan profesion keguruan bagi para guru.

SOALAN 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARI PADA : Y.B. DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN
MOHAMED [SEPANG]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2010

**SOALAN Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

Apakah Kerajaan akan membina lebih banyak pusat ekspo Malaysia di negara lain dan apakah kesan pusat ekspo sedia ada kepada kemasukan pelancong asing dari negara-negara yang disasarkan.

Tuan Yang **di-Fettua**,

Untuk makluman 'Vang Rerhnnial Keiii^nterfan Pelar^ongan Malaysia tidak berianggursjawab yntuk menibina sebarang pusat ekspo, tetapi menyertai ekspo sedia ada yang dikendalikan oleh *Bureau of International Exposition* (BSE) di **mana Malaysia adalah merupakan ahli** organisas! tersebut, Pengiibatan Malaysia di **dalam** ekspo **antarabangsa** adaSah dari **jemputan** negara **tuan rumah** yang **mengendalikan** ekspo **antarabangsa** tersebut.

Penyertaan Kesnenterian **Pelancongan** Malaysia di Ekspo Shanghai **bam-bam** ini adalah **tertakluk** kepada keputusan Kerajaan Malaysia di mana Kerajaan **memutuskannya** berdasarkan **keperluan** industri yang berkaitan dan **faktor-faktor** yang terfentu bags **meletakkan** Malaysia di **mata** dunia secara strategik.

Tuan Yang **di-Pertua**,

Kesan pusat ekspo sedia ada kepada **kemasukan** pelancong asing adalah sangat **menggalakkan**. Ini terbukti melalui kedatangan pelancong China ke Malaysia dari Januari hingga Ogos 2010 telah mencatatkan peningkatan sebanyak 8.2 peratus iaitu seramai 112,996 pelancong berbanding tempoh

yang sama pada tahun 2009 iaitu seramai 104,473 pelancong.

NO. mm : 12

MO. AUP

PEWERFAHUAN PERTAMAMA BAGI JAWAB IUSAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LfISAM
DARIPADA	TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAY A]
TARiKH	3 NOVEMBER 2010
RUJUKAW	3062

SOALAN: DS

Tuan Gwo-Bume Loh [GCelana Jaya] minta S1ENTERI DALAM MEGER8 menyatakan statistik jumlah polis yang ditembak mati oleh penjenayah dari 2001 hingga 2010 dan dalam situasi bagaimana mereka ditembak mati.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, seramai 90 orang anggota polis telah terbunuh dan 343 orang cedera semasa bertugas sejak tahun 2000 hingga 2010.

Antara punca-punca kematian yang melibatkan anggota polis adalah seperti berikut:-

- (i) Ditembak oleh penjenayah;
- (ii) Dilanggar semasa mengadakan sekatan jalanraya;
- (iii) Diserang dengan menggunakan senjata/objek semasa menyuraikan perhimpunan;
- (iv) Ditikam oleh penjenayah semasa pergelutan;
- (v) Ditetak dengan senjata tajam semasa cuba menenangkan orang yang tidak siuman; dan

Kemalangan jalanraya semasa tugas mengiringi orang kenamasn, Pendatang Asing Tanpa Izin (PATIS), Orang Kena Tahart (OKT) dan menoejar penjensyah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARI PAD A : DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL
TOYAD
[MUKAH]**

TARIKH : 03 NOVEMBER 2010

SOALAN

Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [Mukah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah pusat-pusat dialisis yang telah disediakan di negeri Sarawak hingga kini.

Tuan Yang Dipertua,

Perkhidmatan dialisis di negara ini telahpun berkembang. Sehingga kini terdapat pusat hemodialisis di 122 buah hospital Kementerian Kesihatan Malaysia. Di Negeri Sarawak, 19 buah hospital KKM menyediakan perkhidmatan hemodialisis dan hanya sebuah hospital iaitu Hospital Dalat yang belum mempunyai perkhidmatan hemodialisis.

SOALAN NO : 21

Secara keseluruhannya, cuma 8 buah hospital kecil di seluruh negara yang belum mempunyai perkhidmatan hemodialisis. Perkhidmatan hemodialisis akan diperluaskan sehingga meliputi semua hospital di KKM.

worn

PE ii B ERFITAH QAM PERTAMYAAM DEWAN RAKYAT

PERTAMYAAN : USAM
DIPADAKAN : DPL. LEE BOOM C^YE
IQOPEIMGJ
TARSKH JAWAPAM : 3 NOVEMBER 2010 (IRABU)
DI DEWAN RAKYAT
SOALAN : NO. 22

SOALAN

Minta CENTER? TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAM AIR menyatakan siapakah pengguna elektrik yang akan dijanakan oleh projek Hidroelektrik Bakun dan kadar cajnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Buat masa ini Projek Hidroelektrik Bakun telah pun siap dibina dan kerja-kerja penakungan air telahpun dimulakan pada 13 Oktober 2010. Aras minimum penjanaaan atau *minimum operating level* dengan izin, iaitu setinggi 195 meter atas

paras laut dijangka dicapai pada Mei 2011. Unit pertama 300MW dijangka akan memulakan operasi pada Julai 2011 dan unit-unit lain akan disiapkan secara berperingkat sehingga Mac tahun 2012.

Kerajaan telah memutuskan supaya sumber tenaga elektrik dari Projek Hidroelektrik Bakun adalah bagi kegunaan Negeri Sarawak dan tidak akan disalurkan ke Semenanjung. Kapasiti Projek Hidroelektrik Bakun sebanyak 2400MW ini akan digunakan bagi memenuhi keperluan permintaan bekalan elektrik bagi pengguna di Sarawak khususnya bagi Sarawak *Corridor of Renewable Energy* (SCORE) di mana beberapa kilang peleburan aluminium akan dibangunkan. Selain itu, bekalan elektrik dari Bakun ini akan disalurkan kepada pengguna yang akan ditentukan oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sektor bekalan elektrik negeri Sarawak adalah di luar bidang kuasa perundangan persekutuan Akta Bekalan Elektrik 1990. Ianya dikawalselia oleh pihak Kerajaan Negeri Sarawak sendiri. Oleh itu, kadar caj bekalan elektrik bagi penjanaan dari Projek Hidroelektrik Bakun akan ditentukan oleh pihak Kerajaan Negeri Sarawak sendiri. Pihak Kerajaan Negeri akan memastikan caj yang dikenakan berpatutan dan berdaya saing bagi menarik pelabur-pelabur dari dalam dan luar negara untuk membangunkan sektor industri di Negeri Sarawak.

Aii
A'

MPUJ PEIIBEFYTAHU pERTAMYA
DEWA1M iRAKYAT

Peilanyaan
Dari pada

PERTANYAAN LISANI
Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]

YoYkh Menjawab

E'ovemE:>^r --OIO [
Rahy]

-Soalan

[No. 23]

Hr. Haji Harnim Bin Samuri [Ledang] minta SiEN U ER1 PERUSAHAAN PERL AD AM OAM DAM KOiOBiJS menyatakan apakah persiapan Kerajaan ke atas peningkatan keluasan ladang penanaman dan hasil kelapa sawit di negara jiran khususnya Indonesia yang boleh menjejaskan masa depan industri kelapa sawit di dalam negara kita dari segi harga dan kuantiti dan lain-lain yang berkaitan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia telah menyediakan Pelan Hala tuju Industri Sawit Negara (2009 - 2020) bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab sawit dunia menjelang tahun 2020. Ini melibatkan pembangunan antara lain, industri hiliran sawit negara dengan tumpuan kepada pengeksporan produk-produk bernilai tambah berasaskan sawit, perkhidmatan berkaitan industri sawit dan penggunaan biojisim sawit untuk pembangunan produk-produk baru.

Di samping itu, di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (*National Key Economic Area* - NKEA), industri sawit disasarkan untuk menjana Pendapatan Negara Kasar (*Gross National Income* - GNI) sebanyak RM178 bilion menjelang tahun 2020. Aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan bagi menjana pertumbuhan sektor sawit adalah:

- i. mempercepatkan penanaman semula pokok-pokok sawit yang berusia lebih 25 tahun dan tidak produktif;
- ii. meningkatkan produktiviti dalam pengeluaran buah tandan segar melalui pelaksanaan Amalan Pertanian Baik dan *Codes of Practise*;
- iii. meningkatkan produktiviti pekerja melalui penggunaan CANTAS bagi aktiviti penuaian dan aktiviti mekanisasi lain;
- iv. meningkatkan kadar perahahan minyak sawit peringkat kiliang melalui penerimaan buah tandan segar berkualiti dan meningkatkan kecekapan proses pengilangan;

- v. memerangsp biogas di kilang-kilang sawit bagi tujuan penjanaan tenaga y^:nr? c'ipeit.'Pihrr n>i dan disambungkan ke grid nasional;
- vi. membangunkan industri oieo derivatif;
- vii. mengkomersialkan pengeluaran biobahan api generasi kedua dari bahan buangan industri sawit; dan
- viii. mengembangkan sektor hiliran berasaskan makanan dan kesihatan dengan menggunakan produk-produk berasaskan sawit.

Kementerian akan meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan daya saing industri sawit dengan menggalakkan pengeluaran minyak sawit secara mampan yang dapat menyediakan kelebihan bersaing di pasaran antarabangsa. Di samping itu, Kementerian juga akan memperkukuhkan pengeluaran produk-produk hiliran bernilai tambah melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Ini termasuk produk- produk berasaskan sawit untuk kegunaan industri fannaseutikal, nutraseutikal dan oleokimia. Langkah sedemikian akan dapat memperkukuhkan imej produk-produk sawit Malaysia serta memberi pulangan yang tinggi berbanding Indonesia di mana kebanyakan eksport negara berkenaan adalah minyak sawit mentah dan minyak sawit yang diproses.

Selain itu, Kementerian bersama agensinya iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Majlis Minyak Sawit Malaysia akan meneruskan aktiviti-aktiviti promosi bagi memperkukuhkan pasaran sedia ada dan meneroka pasaran baru.

PEMBERITAHUAM PERTAMYAAM DBWAM RARYAT

muMuMLMi: k4

PERTANYAAN : LBSAN
DARIPADA : Y.EL TUAI RULASEGARANI fJL
LIURUGESGW | IIPOM BARAT |
TAMBAH : 3 OKTOBER 2010 (RABU)

SOALAN:

Y.B. TUAN RULASEGARAKI AJL SIURUGESQSN [IFOH BARAT]
minta PERBAWA MEMTERFI menyatakan:

- (a) adakah pendapatan seisi rumah bagi rakyat Malaysia ini memuaskan; dan
- (b) bilakah rakyat Malaysia akan hidup dengan selesa tanpa mengambil kira kemerosotan ekonomi.

JAWAPAN.

Tuan Yang Dipertua,

Secara umumnya, tahap pendapatan isi rumah bagi rakyat Malaysia pada masa ini adalah di tahap yang memuaskan dan empat kali ganda lebih tinggi berbanding dengan garis pendapatan kemiskinan umum yang mengukur keperluan asas makanan dan bukan makanan. Pendapatan kasar isi rumah purata bulanan pada harga semasa

mencatatkan peningkatan sebanyak 5.0 peratus setahun dalam tempoh 2005 hingga 2009 iaitu dari RM2,472 pada 2004 kepada RM4.025 pada 2009 manakala pendapatan purata isi rumah bulanan pada harga malar (constant price) pula meningkat sebanyak 2.7 peratus setahun dari RM2,510 pada 2004 kepada RM3.291 pada 2009. Peningkatan pendapatan ini disokong oleh peningkatan kualiti hidup keseluruhan dan kadar inflasi yang terkawal dalam tempoh tersebut.

Peningkatan pendapatan dan kualiti hidup ini membolehkan rakyat Malaysia hidup dengan lebih selesa. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus mengambil langkah untuk meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup rakyat selaras dengan usaha ke arah menjadikan negara sebagai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi.

PEIMJBERFITACIU PERTAMYAAK1 DEWARS
PAECmT
PEmmv&m
DAFdPADA Y.B. OATUBC *BER/PAMGLIMA*
LISAN **MOJILIP BIN**
BUHBURING @ WILFRED
(mmm)
TAR1KH
03.11.201®

SOALAN:

Y.B. DATUM SERS PAMGLIMA **MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED | TUARAM]** rninta Menteri Pelajaran menyatakan kenapa ramai murid yang telah menerima bantuan wang di bawah skim KWAPM tidak lagi menerima bantuan tersebut dan apakah kriteria yang digunakan untuk menentukan mereka yang layak menerima.

JAWAPAM

Tuan Yang Di Pertua,

Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) telah ditubuhkan pada tahun 2003 di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Penubuhan kumpulan wang ini bertujuan membantu murid miskin untuk meneruskan persekolahan serta menjana kecemerlangan pendidikan mereka. Bantuan kewangan ini telah banyak membantu murid-murid mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan

Secara umum, bantuan kewangan yang disediakan di bawah Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) adalah terbuka kepada semua murid miskin warganegara Malaysia yang

bersekoiah di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan tanpa mengira bangsa, kaum dan agama. KPM tidak pernah bercadang untuk memansuhkan KWAPM kerana ianya merupakan bantuan kepada murid-murid yang datang daripada goiongan miskin dan miskin tegar bagi memastikan mereka tidak tercicir dalam pendidikan. Ini adalah bertepatan dengan objektif penubuhan KWAPM iaitu bagi memastikan tiada murid yang tercicir dari persekolahan akibat kemiskinan. Ini juga selaras dengan Dasar Pendidikan Wajib yang telah berkuatkuasa mulai tahun 2003.

E-Kasih pula merupakan Sistem Bank Data Kemiskinan Nasional yang dibangunkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri memusatkan data goiongan miskin dan miskin tegar di seluruh negara. Mulai tahun 2009, KPM menggunakan data dalam E-Kasih untuk menyelaraskan bantuan KWAPM. Sistem ini digunakan bagi mengelakkan berlakunya ketirisan dan pertindihan dalam pemberian bantuan dengan kementerian-kementerian lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan kewangan KWAPM diberikan kepada murid yang layak dari Tahun 1 hingga Tingkatan 1 sahaja. Pada tahun 2010, murid yang layak menerima bantuan ini disenarai melalui data e-Kasih. Manakala murid lain jika layak dan tidak tersenarai perlu membuat permohonan kepada pihak sekolah.

PESIBERITAKUAM PERTANYAAW IDE WAN RAKYAT

DARI PAD A
MYAAN

PE
RIA

L1SAN

PUAM MURUL IZZAN AW WAR
[LEIiBAR PAWTA1J

TARBKH JAWAPAM
**DI DEWAN
RAKYAT**

3 NOVEMBER 2010 (RABU)

NO. 26

SOALAN

SOALAM

Minta CENTERS TEN AG A, TEKNOLOG! HUAU DAW AIR menyatakan

- (a) adakah projek penjana elektrik Lahad Datu yang menggunakan arang memenuhi dasartenaga hijau negara; dan
- (b) apakah tiga teras utama dasar teknologi hijau negara.

JAWAPAM

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek penjanaan elektrik yang dicadangkan di Lahad Datu menggunakan teknologi '*Clean Coal*' untuk mengurangkan kesan pencemaran ke atas alam sekitar di lokasi loji jana kuasa. Bagi memastikan tahap pelepasan udara mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar, loji jana kuasa berasaskan arang batu yang bakal dibina di Pantai Timur Sabah

akan dipasang dengan pemasangan-pemasangan tertentu. Sebagai contoh, *Electrostatic Precipitator*, dengan izin dipasang bagi memerangkap abu arang batu yang terhasil akibat pembakaran arang batu. *Flue Gas Desulphurization*, dengan izin pula dipasang bagi menurunkan kadar sulfur oksida di dalam gas yang terhasil dari pembakaran arang batu ke tahap yang dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Teknologi '*Clean Coal*' telah digunakan secara meluas di seluruh dunia. Di Malaysia, loji-loji jana kuasa di Manjung, Tanjung Bin dan Jimah juga turut menggunakan teknologi yang sama. Dengan teknologi yang akan dipasang pada stesen jana kuasa tersebut, projek ini memberi kesan yang minimum kesan ke atas alam sekitar, seperti mana yang terkandung dalam Dasar Teknologi Hijau Negara.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Dasar Teknologi Hijau Negara adalah merupakan panduan dan hala tuju pembangunan Teknologi Hijau di negara ini. Dasar ini menentukan arah tuju kepada pembangunan mapan dan bersepadu dalam usaha untuk menjadikan teknologi hijau sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negara untuk kepentingan seluruh rakyat termasuk golongan miskin.

Dasar Teknologi Hijau Negara merangkumi 5 teras strategik utama iaitu:

- a) **Teras Strategik 1** - Mengukuhkan Kerangka Institusi
- b) **Teras Strategik 2** - Menyediakan Persekitaran Pembangunan Teknologi Hijau yang Kondusif
- c) **Teras Strategik 3** - Memperkukuh Pembangunan Modal Insan dalam

Teknologi Hijau

- d) Teras Strategi 4 - Penguatan Penyelidikan dan inovasi Teknologi Hijau, dan
- e) Teras Strategi 5 - Promosi dan **Kesedaran Awam**.

Berdasarkan Teras Strategi **Pertama**, iaitu mengukuhkan kerangka institusi, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Teknologi Hijau Negara dan Perubahan Iklim (MTHPI) sebagai platform peringkat tertinggi untuk menyelaraskan isu-isu mengenai teknologi **hijau** di antara kementerian, agensi dan pihak berkepentingan (*stakeholders*) utama dalam melaksanakan Dasar Teknologi Hijau Negara. Jawatankuasa Femandu Teknologi Hijau Negara dan Perubahan Iklim telah ditubuhkan di bawah kerangka MTHPI yang berfungsi untuk merancang dan mengenai pasti inisiatif serta isu-isu dan program-program di bawah sektor-sektor utama teknologi hijau. Selari dengan teras ini juga, Kementerian telah menubuhkan Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia) pada 27 Julai 2010 untuk menyelaraskan dan melaksanakan usaha dan program Teknologi Hijau secara efektif.

Di samping itu, lima jawatankuasa kerja telah ditubuhkan bagi membantu dalam mengenai pasti bidang fokus yang khusus dan melaksanakan program dan inisiatif teknologi hijau. Peranan Jawatankuasa Kerja adalah amat penting dalam menjamin keberkesanan fungsi MTHPI itu sendiri iaitu sebagai forum peringkat tertinggi untuk menyelaraskan isu-isu mengenai teknologi hijau di antara pihak Kerajaan, sektor swasta dan pihak awam dalam melaksanakan Dasar Teknologi Hijau Negara. Lima Jawatankuasa Kerja yang terlibat adalah Jawatankuasa

Kerja industrs, Jawatankuasa Kerja Modal Insan, Jawatankuasa Kerja Penyelidikan dan Inovasi, Jawatankuasa Kerja Promosi dan Kesedaran Awam, dan Jawatankuasa Kerja Pengangkutan.

Teras Strategik Kedua pula, iaitu menyediakan persekitaran pembangunan Teknologi Hijau yang kondusif di mana pelaburan langsung asing (FDIs) terhadap Teknologi Hijau akan digalakkan. Ini akan membantu perkembangan pelaburan langsung tempatan (DDIs) serta penglibatan dan pembangunan industri dan penghasilan produk “green” tempatan yang akan meningkatkan peluang perniagaan dan pekerjaan dalam bidang Teknologi Hijau. Dengan ini adalah diharapkan industri teknologi hijau dapat menyumbangkan peratus dan nilai yang ketara kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negara. Pelaburan ini juga akan meningkatkan jumlah industri-industri sokongan dan rangkaian daripada industri teknologi hijau yang mana akan mewujudkan peningkatan bilangan pekerjaan di dalam sektor pekilangan dan perkhidmatan. Ahli Yang Berhormat, Selaras dengan **Teras Strategik Kelima** - Promosi dan Kesedaran Awam, Kementerian saya telah menjalankan kempen Teknologi Hijau, promosi berterusan yang efektif, pendidikan dan penyebaran maklumat yang akan melibatkan *stake-holders* yang berkaitan termasuklah orang awam dan kementerian/jabatan, badan bukan kerajaan dan lain-lain agensi yang berkaitan bagi mendidik dan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan semua pihak berkenaan kepentingan Teknologi Hijau. Hal ini penting kerana kesedaran awam terhadap teknologi hijau memerlukan perubahan pemikiran dan persepsi

masyarakat.

!MO°27

PEMBERITAIHIJAM PERTAMYAAM
OEWm RAKYAT

P E
RTAMYAAM

Bagi Jawab Lisan

DARIPADA : DATUKTIOMG THAIK1MG[LANANG]

TARIKH 3 NOVEMBER 2010 (RABU)

SOALAN 27

Datuk **Tiong Thai King** [Lasiang] minta MenterS Pengangkutan menyatakan:

- (a) Perkembangan status terkini bagi projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Sibu; dan
- (b) Bilakah projek ini akan dilaksanakan.

JAWAPAW

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman, projek menaik taraf Lapangan Terbang Sibu telah dimulakan pada 13 September 2010 dan dijangka siap pada 12 September 2012. Peratus kemajuan projek sehingga 20 Oktober 2010 ialah 2% (sebenar), 2% (jadual) dan mengikut jadual yang ditetapkan.

Mengikut perancangan asal, jadual pelaksanaan bagi projek ini bermula dengan tender pra-kelayakan yang telah dilaksanakan pada 3 Ogos 2009.

Kelewatan pelaksanaan projek ini adalah disebabkan oleh urusan perolehannya terpaksa diulang akibat sambutan yang kurang menggalakkan. Perolehan projek pada asalnya telah dilaksanakan pada 3 Ogos 2009 secara

tender terbuka pra-

kelayakan di kalangan syarikat tempatan Sarawak sahaja. Namun, memandangkan hanya 3 syarikat sahaja yang menyertai tender ini dan hanya satu syarikat yang berpengalaman dalam pembinaan lapangan terbang, ia dikhuatiri tidak memberikan pilihan yang terbaik kepada Kerajaan, maka tender pra-kelayakan telah dilakukan semula pada 18 Januari 2010 dan terbuka ke seluruh negara. Berdasarkan kepada tender pra-kelayakan semula yang telah dilakukan, sebanyak 4 syarikat lagi berjaya dan ditawarkan tender bermula 29 Mac 2010 menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 7 syarikat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEW AM RABCYAT, S1ALAYSCA

P.. N
DARIPADA
KAWA8AN

↓
TUAN KHALID BIN ABDUL SAIVIAAD
SHAH AIAH

TARIIYH

@3/rL2©1@ IMmhuJ

MCA SOALAN

m

TUAN **KHALID** BIN ABDUL SAHAD **mInta** SiEMTEftl

PEMBmmGm awtarabas^gsa dan **INDUSTRI**

menyafakan adakah filmdakan ersembangkang Kerajaan
menyebabkasi ramai peSabur asing takuf unlyk dafang ke Malaysia
meogakibatkan pelabyran Bamgsyng asing fPDS) m@r@s@f
sehingga 81 perafies bagi tali us ms 2008 dan 2009.

Jawapark

Tyaei Yang Bipe&iua,

TSndakan m@mbang]kang pS&uak ECeraiaan bukanBah faktor of
am a yang mengilhaBanq keroasykan FOB waSaopymi keadaan
poBitik dan ekonomi yang sfabnB merypakan safy faktor

penting bagi menarik pelaburan. Antara faktor lain dalam membuat keputusan pelaburan adalah:

- tahap perlindungan ke atas pelaburan yang diberikan kepada pelabur;
- infrastruktur dan prasarana yang baik;
- insentif pelaburan dalam bentuk fiskal dan bukan fiskal;
- prosedur dan dasar pengambilan pegawai dagang yang liberal;
- sistem penvampaian Keraiaan yang membolehkan kelulusan-kelulusan berkaitan diberikan dalam *real time*; dan
- wuiudnva rangkaian perniagaan yang berdava saing di antara pasaran dalaman dan luaran di mana setiap satu menvokong pertumbuhan masing-masing.

Pada teitOTy MMM? peiabyran tencisyneii amm (FDii) y^erosot
seMngga .81% disebabkan ©toil beb@rapa faktoc

koiste Qk@n@mS pBobaB yang b@rmyGa pada fabyn 2008
dan ,blj02SMII]III E s@ningga ta'hyn 22SSi^u ^ 'M@¹^
mengakibatkan FOB dynia niKingaPams kefara
sebanyak 37%, SeBain Sty, pobak p@Babyr jyga telah
imenganmalkan sikap berEiatbhatG dalam BTfiemibyat
kepyfasaim peBabryan yang mellilbafckain) imsodaB vaosi
fiBffIMs

sityase peraGoBian @komoomii oagara dari pada
besinfensafkan modaB kepada Bndystril waro berasaskan
p@nq@taBiyar:

penBncfefan persaincprn bags FDG dare pada @konomB besar
yang sedang mensngkaf nask seperti Bndia, China dan
necaara°si@para ASEAN; dan

beb@rapa cadaneian progek peBabryan wane] dBBByByskan
@ieh BCerajaan f@Bah dsfanggyiikan
b@sikytan keadaan @konomi ^anss fidak staboB fersebyi

SOALAN NO. 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARI PADA : **DATO'SERI TENGGU AZLAN IBNI ALMARHUM**

SULTAN ABU BAKAR (JERANTUT)

T ARIKH **:** **3 NOVEMBER 2010** **(RABU)**

SOALAN **:**

Dato' Sri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar **(Jerantut)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah Kerajaan bersedia untuk mempertingkatkan kemudahan bagi pergerakan OKU di jalan raya bandar besar atau pun kecil. Apakah perkara ini boleh dipertimbangkan secara serius oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Orang kurang upaya (OKU) merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat dan mereka mempunyai hak yang sama seperti orang lain. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin terhadap keperluan untuk menyediakan infrastruktur awam yang mesra OKU bagi mewujudkan persekitaran bebas halangan. Memandangkan usaha ini memerlukan penglibatan

pelbagai pihak, KPWKM mengambil pendekatan secara *multi sectoral* dengan agensi-agensinya berkaitan seperti Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Kesungguhan Kerajaan dalam memastikan pelaksanaan penyediaan kemudahan dan infrastruktur awam mesra OKU boleh dilihat melalui penubuhan Jawatankuasa Reka Bentuk Bejagat dan Alam Bina dan Jawatankuasa Pengangkutan OKU yang ditubuhkan di bawah Majlis Kebangsaan Bagi OKU. Jawatankuasa-jawatankuasa ini memberi tumpuan khusus kepada isu-isu berkaitan aksesibiliti dan penyediaan kemudahan kepada OKU bagi meningkatkan kemudahan bebas halangan demi mobiliti OKU. Antara usaha yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

1. penyediaan Garis Panduan Reka Bentuk Bas oleh Kementerian Pengangkutan bagi memastikan reka bentuk bas yang mesra OKU;
2. penyediaan perkhidmatan Rapid Mobiliti "*door to door service*" kepada OKU di sekitar kawasan Petaling Jaya dan Subang Jaya. Perkhidmatan ini adalah sebagai alternatif kepada OKU yang tidak mahu menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam;
3. pembelian 400 unit bas mesra OKU oleh Rapid KL. Penerimaan pertama bas-bas berkenaan adalah pada sekitar bulan Januari 2011;
4. pembelian sebanyak 53 unit *portable ramp* oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bagi kegunaan OKU yang berkerusi roda untuk keluar dan masuk tren kereta api;
5. penambahbaikan ke atas semua stesen komuter secara berperingkat-peringkat mulai

15 Julai tahun 2009 oleh pihak KTMB; dan

6. penambahbaikan ke atas 25 buah stesen LRT Aliran Ampang agar mesra OKU oleh pihak Prasarana Negara.

Manakala bagi memastikan OKU dapat bergerak bebas dari segi penggunaan prasarana, antara langkah yang telah diambil termasuklah:

1. mengkaji semula Standard Malaysia yang berkaitan akses kepada bangunan dan persekitaran di luar bangunan oleh pihak SIRIM agar mengambil kira keperluan OKU dalam setiap kemudahan yang disediakan;
2. menyediakan *Universal Design Index (UDI)* untuk kegunaan, rujukan dan memudahkan para arkitek, jurutera dan juru perancang bagi membuat penilaian terhadap tahap aksesibiliti sesebuah bangunan kepada OKU;
3. menyediakan Modul Latihan Audit Akses kepada mereka yang terlibat dalam menjalankan audit akses terutamanya ke atas bangunan sedia ada di seluruh negara; dan
4. mengadakan taklimat aksesibiliti ke seluruh negara yang memberi tumpuan utama kepada penyertaan dari kalangan Pihak Berkuasa Tempatan.

Di samping itu, KPWKM juga telah mengambil inisiatif melaksanakan Kajian Audit Akses Untuk Ruang Awam Bagi OKU di Malaysia bagi mengetahui tahap aksesibiliti ruang awam kepada OKU di 16 buah kawasan yang telah dikenal pasti di seluruh negara. Secara keseluruhannya didapati bahawa tahap aksesibiliti bagi kawasan kajian yang terlibat adalah tidak memuaskan.

Sebagai tindakan susuan, KPWKivl telah mengemukakan Laporan Akhir Kajian tersebut

yang mengandungi cadangan penambahbaikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan / pihak bertanggungjawab bagi 16 buah kawasan kajian yang terlibat untuk dijadikan panduan dalam usaha penambahbaikan (*upgrading*) kemudahan awam yang beradr o'i Hawaii hidang kuaeu masing-masing. Kawasan-kawasan awam yang ditambah baik tersebut bukan sahaja dapat dimanfaatkan oleh golongan OKU, tetapi juga oleh golongan masyarakat yang lain seperti wanita hamil, warga emas dan kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua,

Kesediaan untuk mempertingkatkan kemudahan bagi pergerakan OKU perlu bersifat inklusif. Justeru, saya ingin tekankan di sini bahawa harapan pihak Kerajaan untuk mewujudkan infrastruktur awam yang mesra OKU di seluruh negara tidak akan dapat dicapai sepenuhnya jika pihak yang berwajib seperti Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan tidak memainkan peranan mereka. Oleh itu, adalah diharapkan semua pihak dapat memberi komitmen dan memainkan peranan yang efektif ke arah mewujudkan persekitaran bebas halangan untuk golongan OKU.

NO. SOALAN :30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG

[SEGAMBUT]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2010

SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara teliti sejauh mana autonomi yang dimiliki oleh Sabah dan Sarawak dan apakah cadangan kelak untuk memberi lebih kuasa autonomi kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN:
Tuan Yang dPPertua,

BiM penyifeihuan Ahli Yang Berhormat, Y^IYa'iiy^n knapy Ysn h&fc di antara Kerajaan Pereekufiuan dsn Ker&jaan Hegeri adalah seperti yang termaktub dalam Jaduai Kesembilan dan Jaduai Kesepuluh Perlsmbagaan Malaysia. Berpandukan kepada kedua-dua jadual ini, Kerajaan Persekutuan telah dan akan terus sedaya upaya membantu negeri Sabah dan negeri Sarawak dari segi pembangunan dan kemajuan ekonomi. Kerajaan Persekutuan sentiasa bersedia dalam menghulurkan bantuan sama ada dari segi kepakaran mahupun kewangan.

Semenjak penubuhan Malaysia, rakyat Sabah dan Sarawak bebas memilih pemimpin mereka sendiri melalui proses pilihan raya yang dilaksanakan di negeri berkenaan. Kerajaan Persekutuan tidak pernah campur tangan dalam proses demokrasi yang memberikan kuasa penuh ke tangan rakyat Sabah dan Sarawak dalam menentukan masa depan mereka sendiri.

Kerajaan Persekutuan juga telah menjalankan tanggungjawabnya dalam melindungi hak Sabah dan Sarawak. Kerajaan mempertahankan kedaulatan Sabah daripada tuntutan Pilipina dan campur tangan dalam menyelesaikan isu-isu persempadanan dengan Brunei dan Indonesia. Ini

menunjukkan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam memenuhi tanggungjawab yang telah dipersetujui bersama.

Dari segi kemajuan, Kerajaan tidak pernah meminggirkan Sabah dan Sarawak. Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan *Sarawak Corridor of Renewable Energy* (SCORE) telah dilancarkan di kedua-dua negeri berkenaan bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan modal insan. Sekiranya semua pihak dapat memberikan kerjasama sewajarnya koridor-koridor ini akan menjadi titik tolak ke arah masa depan Sabah dan Sarawak yang lebih gemilang.

Yang Berhormat, isu autonomi ini tidak pernah timbul selama ini kerana Kerajaan sememangnya sentiasa mematuhi perjanjian dan melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan. Ketika Sabah diperintah oleh pembangkang, Kerajaan Persekutuan masih tetap menyalurkan sokongan dan bantuan yang telah dipertanggungjawabkan. Kerajaan negeri ketika itu juga tidak membangkitkan isu autonomi ini. Isu ini diwujudkan ketika ini kerana pembangkang berhasrat untuk memainkan sentimen rakyat supaya dapat meraih undi di musim pilihan raya akan datang. Isu ini dibangkitkan demi kepentingan peribadi semata-mata.

Sekian, terima kasih.

StOALAIM / Si)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTAWYAAW : LISAN
DARI PAD A : Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI
(SI LAM)
TAKIKH : 5 NOVEMBER 2010
(KABU)

SOALAM

Yolo TUAM SAILED iSW ICAIil CSILAiD minta iiiWTIRI PISUiMHAFM PAIM BCIEiAJAAM TSiPATAM menyatalcan status pelupusan sampaSi di ParSimen SsSam berbanding kawasan Parlimen lain di negeri Sabah dan apakah Kementerian mempunyai jaSan alternatif untuk menangani masalah limpahan sisa pepejal yang semakim memingkat setsap tahun.
JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelupusan sisa pepejal di kawasan Parlimen Silam adalah di bawah tanggungjawab Majlis Daerah Lahad Datu. Dalam hal ini, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) yang akan dikuatkuasa dalam Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10) tidak terpakai kepada negeri Sabah. Namun begitu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan terus memberikan bantuan kewangan dan teknikal kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Sabah termasuklah di kawasan Parlimen Silam apabila diperlukan.

Parlimen Silam yang terletak di bawah pentadbiran Majlis Daerah Lahad Datu mempunyai Tapak Pelupusan Tanjung Bangkuran yang menerima secara purata asou tan metrik sIsa pepejai setiap bulan dan bofiefi menampung sIsa pepejaS seliingaa talnan 2020, TapaP pelupusan ini fcidafc bertaraf sariftarS sepertiI jug a denoan ice ID a nya lean fcapatc-tapak pelupusan lain di

negeri Sabah.

Bagi menangani jumlah sisa pepejal yang kian meningkat, Kementerian menggunakan pendekatan 3R (mengurangkan, menggunakan semula dan mengitar semula). Aneka 3R dapat mengurangkan jumlah sisa pepejal yang perlu diurus dan dilupuskan di tapak pelupusan disamping menyumbang kepada ekonomi melalui industri lestari semula dan menjaga sumber pendapatan kepada individu dan negara.

Selain dari itu, penggunaan teknologi yang bersesuaian seperti tapak pelupusan sanitari, *Material Recovery facilities* (MRF), inisiatif rawatan termal dan lain-lain mampu meningkatkan kualiti perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dalam

menangani masalah peningkatan sisa pepejal dan mengurangkan kesan negatif kepada alam sekitar.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2010

NO. MJM : 32

NO.AUP “ J4,

PESVSBERSTAHUAM PERTAMYAAM BAGI JAWAB L1SAP!
DEWAN RAKYAT

PERTAP5YAAM	1JSAM
DARI PADA	DATO ⁰ JOHARS BIN ABDUL [SUMGAS PETAW1]
TARSKH	3 NOVEMBER 2010
RUJUKAN	3083

SOALAN:

Data” Joharl bin Abdul [Sumgai Pefani | minta iiEWTERI DALAM MEGERI menyatakan Polis DiRaja Malaysia di bawah Pelan Stategik 5 Tahun (PS5T) telah memperkenalkan Projek e-Police Solution:-

- (a) adakah projek ini telah beroperasi; dan
- (b) berapakah kos yang terlibat dalam melaksanakan projek

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Petani yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Pelan Strategik Lima (5) Tahun PDRM atau di kenali sebagai PS5T telah di umumkan pelancarannya pada 25 Mac 2007 oleh mantan Ketua Polis Negara Tan Sri Musa Hassan. Pelan ini di rancang bermula pada tahun 2007 hingga 2011 dan mempunyai lima (5) teras seperti berikut;-

- (i) Pemantapan integriti pegawai polis;
- (ii) Mempertingkatkan kualiti perkhidmatan polis;
- (iii) Menangani masalah peningkatan jenayah dan kebimbangan masyarakat mengenai jenayah;
- (iv) Membendung peningkatan penyalahgunaan dadah; dan
- (v) Menangani ancaman keselamatan dalam negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek e-Police Force Solution merupakan salah satu daripada 103 projek di bawah teras yang ke dua iaitu mempertingkatkan kualiti perkhidmatan polis. Tujuan projek ini adalah bagi mewujudkan rangkaian sistem pengurusan operasi dan pangkalan data maklumat bersepadu secara on-line.

Tuan Yang Di Pertua,

Projek ini tidak dapat dilaksanakan p&da mass? itu kerana tidak disenaraikan di dalam RMK-9. Walaubagaimanapun, projek ini di cadang untuk dimasukkan di bawah RMK-in yang di kenai sebagai 04i (*^c-mrn^rni - aaY (Y-r/irol, Communication vnrft.'cmpuferintegrationy*)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARI PAD A : Y.B. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
[SEPANGGAR]
TARIKH : 3 NOVEMBER 2010
SOALAN :

YB Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kuantiti dan nilai bahan bakar minyak dan gas yang digunakan di Sabah, Sarawak dan Semenanjung setiap tahun sejak 2000 dan apakah tindakan Kerajaan untuk mengurangkan penggunaan bahan ini untuk diganti dengan bahan semula jadi.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kuantiti dan nilai bahan bakar minyak dan gas petroleum cecair (LPG) yang digunakan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak sejak tahun 2000 hingga Julai 2010 adalah seperti berikut:

Bahan Bakar	Jumlah Kuantiti (bilion liter)	Nilai Jualan (RM bilion)
Petrol	99.5	164.7
Diesel	46.4	59.9
LPG (kg)	10.0	14.8

Sementara itu, jumlah penggunaan gas asli di Semenanjung Malaysia dan tahun 2000 hingga akhir tahun 2010 adalah dianggarkan sebanyak 2,022 juta kaki padu sehari yang bernilai kira-kira RM 36.8 bilion untuk tempoh tahun 2000 hingga akhir tahun 2010.

Dalam usaha untuk mengurangkan kebergantungan ke atas sumber minyak dan gas, Kerajaan telah memperkenalkan Dasar Pelbagaian Empat Bahan Api (*Four-Fuel Diversification Policy*) pada tahun 1981 dan Dasar Pelbagaian Lima Bahan Api (*Five-Fuel Diversification Policy*) pada tahun 2001. Melalui dasar-dasar ini, peratusan minyak dan gas khususnya dalam campuran bahan api bagi penjanaan elektrik telah dapat dikurangkan dan penggunaan arang batu serta sumber tenaga hidro telah ditingkatkan.

Di samping itu, Kerajaan juga menggalakkan pembangunan sumber tenaga boleh diperbaharu seperti penjanaan tenaga menggunakan biomas, biogas, sisa pepejal perbandaran, mini hidro, solar dan juga penghasilan biofuel.

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, beberapa inisiatif baru yang berteraskan kepada Dasar dan Pelan Tindakan Sumber Tenaga Boleh Diperbaharu, akan dilaksanakan untuk mencapai sasaran penjanaan elektrik daripada sumber tenaga boleh diperbaharu sebanyak 985 MW menjelang

NO. SOALAN : 35

tahun 2015.

NO. AUM : 33

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]
TARIKH : 3 NOVEMBER 2010
RUJUKAN : 3064

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan susulan yang telah diambil atas Aduan Polis Sungai Senam 6581/10 berkaitan kekeliruan Tan Sri Ismail Omar, Timbalan IGP, terhadap tanggungjawab pucuk pimpinan Polis DiRaja Malaysia dalam memperlindungi kebebasan berkumpul dan bersuara secara aman seperti terkandung dalam Perlembagaan Negara.

Tiie.n Yang Dtp&rlua,

Soy&i nieiiCjurrapkan terinKi kasih kepada Ahli Yang Berhormat
Sungai Sspuiyang mengemukakan pertanyaatt.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, tidak timbul isu kekeliruan di pihak Timbalan Kefua Polis Negara dalam kes ini kerana beliau tidak pernah mengeluarkan sebarang arahan secara bertulis atau lisan kepada mana-mana Ketua Polis Daerah mengenai larangan mengadakan perhimpunan.

Jika dilihat dari sudut perundangan pula (Seksyen 27 Akta Polis 1967), Ketua Polis Daerah mempunyai kuasa untuk meluluskan atau pun tidak sesuatu permohonan untuk mengadakan perhimpunan di mana keputusan tersebut di buat berdasarkan maklumat dan kajian dari semua aspek keselamatan dan ketenteraman.

SOALAN NO. 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

JAWAB LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN

(BN) (ALOR GAJAH)

TARIKH : 3 NOVEMBER 2010 (RABU)

SOALAN :

YB Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn (BN) (Alor Gajah) minta MENTERI

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan statistik dan sebab untuk jumlah anak yatim yang ditinggalkan oleh ibu bapa dan keluarga serta langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Menurut peruntukan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) adalah bertanggungjawab untuk menyelamatkan dan memberi perlindungan kepada kanak-kanak yang ditinggal atau diabaikan oleh ibu bapa dan keluarga.

Berdasarkan statistik JKM, pada tahun 2007 bilangan kanak-kanak yang ditinggalkan oleh ibu bapa dan keluarga adalah seramai 166 orang manakala pada tahun 2008 jumlahnya adalah seramai 178 orang. Pada tahun 2009 pula, seramai 190 orang kanak-kanak telah ditinggalkan oleh ibu bapa dan keluarga dan sehingga September 2010 jumlahnya adalah 149 orang. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kanak-kanak yang ditinggalkan oleh ibu bapa atau keluarga bagi tempoh 2007 hingga 2010 adalah seramai 683 orang.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKIV1) memberi perhatian serius kepada isu kanak-kanak yang ditinggal atau diabaikan oleh ibu bapa dan keluarga pada masa kini, selaras dengan tumpuan KPWK pada minis i 2010 iaitu, dengan izin, "*Safe Childhood*". Tindakan ini memerlukan kerjasama daripada semua agensi yang terlibat iaitu Polis DiRaja Malaysia, Hospital, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan komuniti setempat. Untuk merealisasikannya, KPWK telah menggubal Dasar

Perlindungan Kanak-kanak dan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-kanak yang telah diluluskan pada Julai 2009. Antara lain ianya bertujuan untuk melindungi kanak-kanak daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi. Dasar ini juga merupakan satu keperluan pada masa kini bagi memastikan setiap agensi, organisasi dan anggota masyarakat menyedari bahawa aspek melindungi kanak-kanak adalah tanggungjawab bersama.

Yuan Yang Di-Pertua,

JKM melalui kerja kes yang dijalankan telah mengenalpasti antara sebab berlakunya anak yatim yang ditinggalkan oleh ibu bapa dan keluarga adalah seperti berikut:

1. Ekonomi keluarga yang rendah menyebabkan ibu bapa tidak dapat menyediakan keperluan yang secukupnya bagi kanak-kanak tersebut. Ibu bapa terpaksa berusaha untuk meningkatkan sumber pendapatan;
2. Bilangan ahli keluarga yang ramai menyebabkan tumpuan dan perhatian yang secukupnya tidak dapat diberi kepada anak-anak;
3. Taraf pendidikan keluarga yang rendah hingga tidak dapat menilai tindakan yang diambil adalah pengabaian terhadap anak-anak dan merupakan satu kesalahan; dan
4. Jaringan sosial yang rapuh menyebabkan nilai murni, sikap tolong menolong dan bekerjasama tidak lagi berfungsi dengan baik di dalam masyarakat.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh KPWKM untuk menangani masalah ini adalah seperti berikut:

1. Mengadakan program-program kesedaran kepada ibu bapa, kanak-kanak dan masyarakat mengenai tanggungjawab masing-masing untuk menentukan

keselamatan kanak-kanak. Program Kemahiran Keibu bapaan yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada ibu bapa supaya mereka sentiasa bertanggungjawab ke atas keselamatan dan kesejahteraan anak masing-masing dijalankan oleh Kementerian seperti Program SMARTSTART dan Modul Kasih. Program terkini ke arah ini ialah Parenting@Work bagi membantu ibu bapa mengimbangi tanggungjawab antara keluarga dan kerjaya. Program ini dijalankan di tempat kerja masing-masing, bermula dengan pekerja di sektor awam pada tahun 2007 dan diperluaskan ke peringkat daerah, sektor swasta, komuniti dan lain-lain;

2. Menggalakkan penubuhan TASKA Komuniti sebagai program pencegahan bagi memastikan keselamatan kanak-kanak. Taska Komuniti adalah salah satu usaha Kerajaan untuk membantu ibu bapa yang berpendapatan rendah mendapat jagaan yang selamat bagi anak-anak semasa mereka keluar bekerja. Sehingga kini terdapat 32 buah Taska Komuniti yang beroperasi dan member! perkhidmatan kepada 750 orang kanak-kanak;

Perkhidmatan Talian Nur 15999 telah diperkenalkan pada; Tahun 2007 bagi members kemudahan kepada masyarakat untuk membuat laporan jika mendapati kanak-kanak dalam keadaan yang mencurigakan atau tidak berada dalam pengawasan ibu bapa atau penjaga;

KPWKM dalam proses untuk memperluaskan perkhidmatan khas untuk kanak-kanak dengan memperkenalkan Talian "Child Line" sebagai tambahan atau memperluaskan skop perkhidmatan Talian Nur sedia ada. Perkhidmatan ini bertujuan untuk memberi kemudahan kepada semua pihak termasuk kanak-kanak untuk membuat aduan

berkaitan isu kanak-kanak;

Akta Kanak-Kanak 2001 telahpun menekankan elemen menyelamatkan, melindungi dan memelihara kanak-kanak yang dianiayai dan didera. Sehubungan dengan itu Majlis Penyelarasan bagi Perlindungan Kanak-Kanak ditubuhkan dan secara tidak langsung membangunkan program bagi mendidik masyarakat melalui pewujudan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (di bawah Sub seksyen 7(1) Akta Kanak-Kanak 2001, Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak hendaklah ditubuhkan di seluruh Malaysia). Sehingga kini terdapat 131 buah Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak telah diwujudkan di seluruh Malaysia. Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak turut menyediakan perkhidmatan sokongan membantu keluarga dan kanak-kanak berisiko tinggi melalui 142 buah Pusat Aktiviti Kanak-Kanak di seluruh negara dengan sejumlah 5,680 orang kanak-kanak yang mendapat perkhidmatan di pusat tersebut. Antara program-program advokasi serta intervensi yang diadakan adalah seminar, bengkel, ceramah, kursus, motivasi, bimbingan serta kaunseling, riadah dan bersukan; dan Selain daripada itu JKM juga telah melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan keselamatan kanak-kanak dengan kerjasama pelbagai pihak terutama Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, Kementerian Pelajaran, agensi kerajaan berkaitan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan serta anggota masyarakat.

PARIS MEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAH PERTANYAAN PEWAH PAL/AT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : DATO¹ HAJI AB HALIM BIN AB RAHMAN

(PENGKALAN CHEPA)

TARIKH : 3 NOVEMBER 2010 (RABU)
SOALAN : DATO⁸ HAJI AB HALIM BIN AB RAH SIAM minta
SWEATERS PERTAMIAM DAN INDUSTRI ASAS
TAN! menyatakan:

Adakah Malaysia masih berdepan dengan cabaran 'keselamatan makanan' (food security). Apakah Kementerian masih berpegang dengan pendekatan 'mengimport beras adalah lebih murah, dari segi kos berbanding menanam padi sendiri'? Sekiranya jawapan adalah positif, bukannya pendekatan ini mempunyai risikonya yang tersendiri.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Saya memohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Dato' Haji Ab Halim bin Ab Rahman pada 3 November 2010 berkaitan perkara yang sama.

Nasi merupakan makanan ruji bagi penduduk di negara ini. Semasa krisis bekalan makanan global yang berlaku pada bulan April tahun 2008 telah menyebabkan harga beras di pasaran antarabangsa meningkat secara mendadak. Hal ini telah menimbulkan kerisauan di kalangan rakyat sama ada beras di pasaran mencukupi ataupun tidak.

Oleh yang demikian, Kerajaan telah membuat keputusan untuk menambah paras stokpail beras negara sebanyak 200,000 tan metrik lagi daripada paras sedia ada iaitu sebanyak 92,000 tan metrik bagi menampung keperluan apabila berlaku kekurangan bekalan. Keputusan tersebut diambil memandangkan paras stokpail beras negara yang sedia ada hanya mampu bertahan untuk penggunaan selama 14 hari manakala paras baru dapat menampung keperluan rakyat selama 45 hari. Namun begitu, jika mengambil kira pegangan semua stok beras iaitu pegangan

stokpail, BERNAS, Pemborong dan Pengilang-pengilang dalam satu-satu masa, keperluan beras mampu bertahan selama 4 atau 5 bulan.

Sehingga hari ini, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM328 juta untuk membeli beras stokpail. Beras stokpail ini diurus dan diselenggara oleh BERNAS selaras dengan Perjanjian Konsesi BERNAS. Jumlah ini tidak termasuk dengan kos penyelenggaraan.

Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi memantau sebarang aktiviti penyelewengan dan pembaziran beras stokpail negara adalah seperti berikut:

- (i) Kawalselia Padi dan Beras serta BERNAS diberi tanggungjawab untuk memantau kualiti dan usia beras stok penimbal dari masa ke semasa melalui proses penyelenggaraan yang dilakukan secara berkala.
- (ii) BERNAS perlu menghantar status jumlah keseluruhan stok penimbal Negara setiap minggu kepada Kawalselia Padi dan Beras.

Kerajaan tidak bercadang untuk mengimport beras sepenuhnya memandangkan beras tempatan mampu menampung sebahagian daripada keperluan beras negara. Pengimportan beras hanya bertujuan untuk menampung bekalan beras dalam negara yang tidak mencukupi di samping menambah bekalan variasi-variasi beras yang boleh dinikmati oleh rakyat.

MQ:\$T

PEMBE RGTAHUAW
PERTAMYAAM DEWAN RAKYAT

Pimn/mfAAM
DARGPADA

BAGI **JAWAPAN** LSSAN
DAT UK SERI PEM6IJHA ABDUL GHAPUR
BIN **Haji SALLEH (KALABAKAN)**

TARIKH 3 NOVEMBER 2010

SOALAN 37

Datuk Seri Penglima Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk mengambil tindakan ke atas pengusaha-pengusaha cermin gelap pada kenderaan yang nampaknya tambah berleluasa.

JAWAPAM Tuan

Yang Dipertua,

Selaras dengan peruntukan di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-Jenis Kaca Tertentu) 1991, tindakan penguatkuasaan boleh diambil terhadap pemilik kenderaan semasa kenderaan digunakan di atas jalan raya. Peruntukan undang-undang sedia ada tidak membolehkan Jabatan Pengangkutan Jalan mengambil tindakan terhadap penjual atau pembekal cermin kenderaan memandangkan tiada peruntukan undang-undang bagi tujuan tersebut. Sungguhpun demikian, tindakan yang hendak dikenakan terhadap perniagaan pengusaha-pengusaha cermin gelap pada kenderaan memerlukan peruntukan undang-undang baru.

NO.AUM : 38

NO. AUP : W

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A : TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [SEREMBAN]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2010

RUJUKAN : 3065

SOALAN:

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah alasan penutupan sebuah balai polis di Taman Semarak, Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus yang dibuka pada 2009 dan ditutup pada 2010 serta berapakah perbelanjaan ubahsuai pada balai polis tersebut.

JAWAPAN:

-Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sftreman yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Berhormat,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia, Balai Polis Tainan Semarak seperti yang diraksudkan oleh ahli Yang Berhormat adalah dibawah kontrak sewaan yang telah pun tamat.

Pada masa ini, PDRM sedang berusaha untuk mencari lokasi baru bagi menggantikan balai polis berkenaan. Perbelanjaan ubahsuai untuk balai polis tersebut adalah sebanyak RM196,966.40.

PEMBERITAHUAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH

SOALAN NO. 39

[SUBANG]

TARIKH : 3 November 2010

SOALAN:

Y.B. Tuan Sivarasa *all* K. Rasiah [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang meminda Peraturan Mesyuarat di Parlimen supaya mengikut amalan *Westminster* dan Parlimen lain di mana pihak pembangkang diperuntukkan sejumlah hari yang adil khusus untuk urusan mereka seperti rang undang-undang dan usul-usul dan lain urusan seperti yang disebut di Peraturan Mesyuarat 14 (p) dan (q).

BOALm **MO. 3S**

HMMIM” Y„B DAW SERB SIOMAMED E^AZRfi AZBZ

HEMTERti DO JABAFAM IPERDAMA EiEMTEIRG

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Peraturan Mesyuarat sedia ada untuk mengikuti amalan Westminster kerana peraturan sedia ada adalah mencukupi untuk tujuan yang dinyatakan.

Sekiaim, feriirsia kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAM RAKYAT

PERTAMYAAN : LISAN

DARI PADA : YB TUAN KARPAL SINGH

TARIKH : 3 NOVEMBER 2010 (RABU)

SOALANI :

MO, SOALAHMQ

Tuan Karpai **Singh** [**Bukit Gelugor**] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada kerajaan bersedia untuk memansuhkan Seksyen 46A Akta Profesion Undang-Undang 1976. Sekiranya tidak, nyatakan sebab-sebab.

JAWAPAN: DATO* SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan masih belum bercadang untuk memansuhkan seksyen 46A Akta Profesion Undang-Undang 1976 [Akta 166] dan berpendapat ia wajar dikekalkan bagi memastikan integriti dan kebebasan institusi kepeguaman dipelihara serta apa-apa konflik kepentingan (*conflict of interest*) dapat dielakkan.

Seksyen 46A memperkatakan kehilangan kelayakan untuk menjadi ahli Majlis Peguam, Jawatankuasa Peguam, atau mana-mana jawatan lain & jika mana-mana peguam ialah seorang; Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Undangan Negeri atau ahli mana-mana pihak berkuasa tempatan, atau jika dia memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana kesatuan sekerja, parti politik, apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang. Seksyen 46A Akta A36 bertujuan untuk mengekalkan persepsi dan keyakinan rakyat terhadap institusi kepeguaman di Malaysia sebagai suatu institusi yang bebas daripada pengaruh luar.

Majlis Peguam atau Jawatankuasa Peguam merupakan badan yang bertanggungjawab mendukung kedaulatan undang-undang tanpa apa-apa

MO, SOALAHMQ

perasaan takut atau berat sebelah dan tanpa memikirkan kepentingan diri sendiri atau orang lain yang mempunyai kepentingan yang sama dengannya. Oleh itu, institusi ini tidak boleh sama sekali dipengaruhi oleh agenda politik atau apa-apa agenda yang boleh meringgugat kedudukannya sebagai suatu badan bebas.

Dalam hal ini, Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan dengan sekuat suara telah memutuskan dalam kes *Sivarasa Rasiah v Badan Peguam Malaysia*

& *Anor* [2010] bahawa klasifikasi di bawah subseksyen 46A(1) merupakan klasifikasi yang wajar bagi tujuan memberi peluang kepada ahli profesion tersebut bersuara dalam pentadbiran profesion itu dan menjamin bahawa badan pentadbiran tidak terpengaruh dengan mana-mana parti politik. Seksyen tersebut menjamin bahawa ahli politik profesional tidak boleh mencampuri pentadbiran profesion perundangan tersebut.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 41

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID
(KUALA KRAU)
TARIKH : 03.11.2010

SOALAN:

Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [KUALA KRAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan jawatan Pekerja Sosial Sekolah (PSS) di peringkat daerah dan negeri bagi bertujuan membantu mengatasi masalah sosial dalam kalangan pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) belum bersedia untuk mewujudkan jawatan Pekerja Sosial Sekolah dalam menangani isu permasalahan sosial di kalangan pelajar. Ini adalah berikutan daripada surat daripada Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 22 April 2010 bertajuk 'Pewujudan Jawatan Baru Melalui Kaedah Penempatan Semuaia Dalam Usaha Mengawal Perbelanjaan Kerajaan' yang telah menyatakan mengenai keputusan Kerajaan agar semua pewujudan jawatan baru dalam Perkhidmatan Awam dibekukan dalam usaha untuk mengawal perbelanjaan berdasarkan kedudukan ekonomi dan kewangan negara.

Namun, bagi menangani permasalahan sosial pelajar, Kerajaan telah mewujudkan jawatan Kaunselor dan Guru Penolong Kanan (Hal Ehwal Pelajar) di sekoiah serta

menugaskan guru untuk mengawai disiplin pelajar. Di samping tui jjuga, KPM bersama-sama dengan Agensi / Jabatan Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) senlisa menjalankan program dan aktiviti untuk mengatasi masalah sosial di kalangan pelajar.

Soalan No : 42

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
(LEMBAH PANTAI)

TARIKH 03.11.2010

SOALAN:

Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) adakah kajian dibuat untuk menentukan produktiviti pendidikan di mana perbelanjaan pendidikan yang besar iaitu 27 peratus daripada bajet negara mencapai piawaian antarabangsa; dan
- (b) apakah piawaian-piawaian tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil pelbagai langkah proaktif dalam memastikan perbelanjaan pendidikan digunakan dengan cara yang penuh berhemah dan memberikan impak yang lebih berkesan terhadap kualiti akses pendidikan dan pembangunan modal insan yang lebih efisien. Langkah-langkah ini termasuklah dalam menyediakan infrastruktur, latihan guru, penyediaan bantuan pendidikan dan termasuklah kajian yang melibatkan pihak antarabangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara kajian antarabangsa yang disertai oleh KPM termasuklah *Programme For International Students Assessment* (PiSA) yang dikoordinasikan oleh *Organization For Economic Operation and Development* (OECD) dan *Trends in Mathematics and Science Studies* (TIMSS) oleh *International Association For The Evaluation of Education Achievement* (IEA). Boleh kajian PISA, Malaysia baru menyertai pusingan pertama kajian ini dalam tahun 2009 dan masih dalam peringkat kajian.

Manakala dalam kajian TIMSS, untuk mata pelajaran Matematik, pencapaian murid Malaysia menunjukkan skor purata (474) dalam TIMSS '2007 masih melebihi skor purata antarabangsa (450) iaitu perbezaan sebanyak +24 mata. Skor purata pencapaian murid Malaysia juga adalah lebih baik berbanding 28 negara lain, termasuk semua negara Asia Barat, negara-negara Afrika dan Amerika Selatan. Selain daripada itu, pencapaian Malaysia juga adalah lebih baik berbanding 8 negara Eropah seperti Norway, Bulgaria, Israel, Ukraine, Romania, Bosnia & Herzegovina, Turki dan Georgia.

Sementara itu, bagi mata pelajaran Sains pula, skor purata Malaysia (471) dalam TIMSS 2007 masih melebihi skor purata antarabangsa (466) iaitu perbezaan sebanyak +5 mata. Malah, jika dibandingkan dengan 27 negara lain, skor purata pencapaian pelajar Malaysia adalah lebih baik daripada semua negara Asia Barat (kecuali Jordan), negara-negara Afrika dan Amerika Selatan yang mengambil bahagian dalam kajian ini. Di samping itu, pencapaian Malaysia juga adalah lebih baik berbanding negara Eropah seperti Serbia, Bulgaria, Israel, Romania, Bosnia & Herzegovina, Malta, Turki dan Georgia.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) masih menganalisis secara terperinci keputusan TIMSS 2007 dan akan mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi meningkatkan kualiti kurikulum, *content*, pengajaran dan pembelajaran bagi kedua-dua mata pelajaran Sains dan Matematik.

SOALAN NO. 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN AARON AGO ANAK DAGANG

(BN) (KANOWIT)

TARIKH : 3 NOVEMBER 2010 (RABU)

SOALAN :

YB Tuan Aaron Ago Anak Dagang (BN) (Kanowit) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kejayaan projek-projek untuk meningkatkan pendapatan keluarga miskin di seluruh negara dan negeri Sarawak amnya seperti Projek AZAM Tani, AZAM Niaga, AZAM Kerja dan AZAM Khidmat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam proses pelaksanaan projek-projek AZAM bagi seluruh Negara melalui agensi pelaksana iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi AZAM Tani, Kementerian Sumber Manusia bagi AZAM Kerja dan Amanah Ikhtiar Malaysia bagi AZAM Khidmat dan Niaga di Semenanjung Malaysia. Sementara, Bagi negeri Sabah dan Sarawak, pihak Kementerian bekerjasama dengan Kerajaan Negeri sebagai pelaksana Program 1AZAM. Agensi-agensi pelaksana yang bekerjasama dengan Kementerian bagi negeri-negeri ini telah dikenal pasti sendiri oleh, dengan izin, *'focus group'* negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua,

Memandangkan program iAZAM masih dalam [jeringkat awai pelaksanaan, kejayaan-kejayaan projek-projek AZ'AM dalam meningkatkan pendapatan keluarga miskin masih belum dapat diukur. Program 1AZAM akan dipantau secara berterusan dan kajian impak akan dilaksanakan dalam tempoh 0 bulan selepas peserta menjalankan projek untuk melihat keberkesanan dan kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Program 1AZAM adalah salah satu program di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara atau lebih dikenali sebagai dengan izin, *National Key Result Area* (NKRA) yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan dilaksanakan di seluruh negara. Terdapat empat (4) projek di bawah Program 1AZAM iaitu Azam Tani, Azam Kerja, AZAM Khidmat dan AZAM Niaga. Selain daripada Program 1AZAM terdapat program sedia ada iaitu Program Peningkatan Pendapatan atau lebih dikenali sebagai PPP yang juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah berpendapatan rendah. Program Peningkatan Pendapatan (PPP), ditawarkan kepada goiongan berpendapatan rendah bagi menjana pendapatan isi rumah secara produktif melalui projek-projek peniagaan, pertanian dan industri asas tani. Program ini dilaksanakan oleh pelbagai agensi Kerajaan dan Kementerian seperti Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Amanah Ikhtiar Malaysia dan pejabat daerah. Antara program-program Peningkatan Pendapatan adalah Bantuan Meniaga atau Menjaja, Pembangunan Keluarga Tani dan Bantuan Peralatan Kerja.

Tuan yang Di-Pertua,

Bagi memastikan pemantauan yang berkesan serta dapat mengukur kejayaan program ini, penawaran setiap program akan direkodkan ke dalam sistem eKasih oleh agensi atau Kementerian yang memberikan bantuan. Sehingga 2 November 2010, Program Peningkatan Pendapatan telah menampakkan keberkesanannya dan menjadi penyumbang utama kepada sebab terkeluar bagi seramai 24,090 isi rumah yang berdaftar di bawah sistem eKasih daripada kategori miskin tegar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

3
m[^]rn iakym , mmmmk

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING
(BINTULU)**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2010 (RABU)

SOALMS

**Y.i. DATO⁰ Sii TIOiO MG SIM© CilifTUIUI minta HiMTiSi
PiitU»S=M DAM KiiAJAAi TilPAT* menyatakan :-**

- (a)** adakah pihak **Kementerian** berSiasrat
untuk
**memperuntukkan semula Pembinaan Projek Perumahan
Rakyat (PPR) sefoanyak 500 unit di Bahagian Bintulu,
Sarawak yang telah diluluskan pada satu ketika dahulu bags
projek pembasmlan setinggam agar dimasukkam semula ke**

SOALAN (44)

dalam **RMK-10**; dan

- (b) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk menambahkan lagi peruntukkan bagi pelaksanaan Projek Perumahan Rakyat (*PPR*) ini untuk Bahagian **Bintulu** memandangkan kadar penduduk setinggan melebihi 5500 buah keluarga.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

a) Di bawah *rolling plan* pertama, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hanya diluluskan pelaksanaan empat Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) baru iaitu PPR Mengkuang Tandop (Pulau Pinang, 250 unit), PPR Kuala Perlis (Perlis, 200 unit), PPR Kampung Hassan (Selangor, 400 unit), PPR Gua Musang (Kelantan, 1,500 unit). Sehubungan itu, cadangan pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) sebanyak 500 unit di Bahagian Bintulu akan dikemukakan untuk pertimbangan Unit Perancang Ekonomi dalam *rolling kedua* Rancangan Malaysia Kesepuluh sekiranya Kerajaan Negeri dapat memperuntukkan tapak projek yang bersesuaian untuk projek ini.

b) Kerajaan teliti menyelesaikan pembinaan **1,000** unit di **ppr** Kemena, **Bintulu** dan **bawah** Rancangan Malaysia

KeSerafoilan CRMKe-9) dan projek tersebut dijangka a;lap pada tafiun 2012. sehubungan **itu, pengisian rumah-** rumah sns akan dibeiri **keutarnaan** icepada penduduk-penduduk setisiggan di kawasan Bintuiu sedsa ada sebelum pelaksanaan Projek PPR yang bam. walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Keajaan Tempam (KPSCD bersedia'menimbangkan permohonan daripada Kerajaan Negeri Sarawak bag! permohonan projelc baru PPR di Bintulu di bawah *Rolling Plan* Kedua RHS<e=IO seksranya terdapat tapak yang bersesuaian.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2010

SOALAN NO: 45

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan**
TARIKH : **3 NOVEMBER 2010 (RABU)**
SOALAN : **minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan**
Sama ada Kementerian mempunyai program latihan keusahawanan untuk **usahawan-usahawan luar bandar khususnya para belia** yang sedang mengangur untuk mengalakkan mereka berdikari sebagai usahawan berasaskan pertanian, dan kalau ada, berapakah peruntukan yang telah disediakan Kementerian bagi negeri Sabah bagi tahun 2011.

JAWAPAN : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini melalui Jabatan/Agensi menawarkan pelbagai program latihan pembangunan kemahiran dan keusahawanan di kalangan generasi muda.

Program latihan jangka panjang yang ditawarkan adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS PROGRAM	TEMPOH LATIHAN
1.	Program Pembangunan Usahawan Pemprosesan Makanan	6 bulan
2.	Program Inkubator Usahawan Beliatani	6 bulan
3.	Program Latihan Beliatani Jepun	11 bulan
4.	Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (Sijil Kemahiran Malaysia)	2 tahun
5.	Program Latihan Formal Institut Pertanian	2 tahun
6.	Program Latihan Sijil Veterinar Malaysia	2 tahun
7.	Program Pembangunan Nakhoda	2 tahun
8.	Program Pembangunan Usahawan Siswazah FAMA	Mengikut projek peserta

9. Program Pembangunan Usawah Tani Secara Berpakej Mengikut projek peserta

Di samping itu, kursus dan latihan jangka pendek berkaitan teknikal, keusahawanan dan pengurusan turut ditawarkan seperti berikut:

B1	B1DAMG KURSUS	BSLANGAN KURSUS
L		
1.	industri Asas Tani	189
2.	Keusahawanan	164
3.	Pengurusan Am	530'
4.	Perikanan	192
5.	Tanaman	211
6.	Ternakan	166
	Jumlah	1,452

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peluang untuk mengikuti kesemua program latihan tersebut adalah terbuka kepada seluruh warga Malaysia mengikut syarat kelayakan yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, buat masa ini, pihak Kementerian belum memutuskan untuk menyediakan peruntukan khusus kepada negeri Sabah bagi tahun 2011 kerana polisi keterbukaan peluang untuk menyertai program latihan yang telah dinyatakan.

